



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

---

Bil. 29

Rabu

4 November 2020

---

**K A N D U N G A N**

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA:**

Keperluan Ahli-ahli Mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP)  
Yang Ditetapkan Oleh MKN dan KKM (Halaman 1)

**USUL-USUL:**

Menarik Balik Rang Undang-undang Di Bawah P.M. 62 (Halaman 2)

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 3)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020 (Halaman 36)

**MALAYSIA  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KETIGA  
MESYUARAT KETIGA  
Rabu, 4 November 2020**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Sri Azalina Othman Said)  
mempengerusikan Mesyuarat]*

---

**PEMASYHURAN TUAN YANG DI-PERTUA**

**KEPERLUAN AHLI-AHLI MEMATUHI PROSEDUR OPERASI STANDARD (SOP)  
YANG DITETAPKAN OLEH MKN DAN KKM**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat pagi. Ahli-ahli Yang Berhormat, seperti mana sedia maklum, susulan daripada penularan kes wabak COVID-19 ketika ini, langkah-langkah pencegahan telah dan sedang diambil dalam memastikan persidangan Dewan Rakyat dapat dilaksanakan dengan selamat.

Semalam saya telah berkesempatan menghubungi Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan beliau telah menyampaikan beberapa pandangan dan nasihat seperti berikut;

Pertama, Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen tidak lagi mengadakan majlis jamuan atau bermesyuarat dalam kelompok yang besar semasa di luar Dewan, sama ada di premis Parlimen ataupun di luar premis. Sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat perlu bermesyuarat atau berkumpul secara fizikal, Ahli-ahli Yang Berhormat dipohon mematuhi SOP yang ditetapkan oleh pihak MKN dan KKM dengan ketat.

Kedua, Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dinasihatkan supaya mengehadkan pergerakan masing-masing semasa di luar premis Parlimen sepanjang tempoh persidangan serta mengelakkan bergaul atau menghadiri majlis-majlis keramaian dan tempat-tempat yang sesak (*crowded places*) dengan izin dan sentiasa mematuhi SOP yang ditetapkan dengan ketat.

Ketiga, Yang Berhormat Ahli-ahli Parlimen dan para petugas perlu menjalani saringan ujian COVID-19 setiap dua minggu. Untuk tujuan itu, pihak pentadbiran Parlimen Malaysia akan mengeluarkan notis pemberitahuan dari semasa ke semasa.

Terakhir, sekiranya ada kes positif di Kompleks Parlimen, pihak Kementerian Kesihatan akan membuat penilaian dengan izin, *valuation* terhadap *standard operating procedure* (SOP) yang sewajarnya. Perlu diingatkan bahawa apa-apa jangkitan di Parlimen mungkin akan menyebabkan bangunan Parlimen ditutup sekiranya didapati perlu berbuat demikian.

Atas kesempatan ini, bagi pihak Parlimen Malaysia saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Tan Sri Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia, Pengarah Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan pegawai-pegawai serta warga Kementerian Kesihatan yang berganding bahu, bertungkus-lumus menjalankan ujian saringan dan atas nasihat-nasihat yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan warga Parlimen. Terima kasih.

Datuk Azhar Azizan Harun,

4 November 2020.

Terima kasih.

Silakan. Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan.

### USUL

#### **MENARIK BALIK RANG UNDANG-UNDANG DI BAWAH P.M. 62**

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:**

Tuan Yang di-Pertua:

Bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 62, saya mohon untuk menarik balik D.R.37/2019 Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2019 seperti yang tertera di nombor 6 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Baiklah.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan apakah inisiatif kementerian untuk memastikan rakyat selamat daripada penipuan siber yang menggunakan aplikasi yang tidak sah dan juga melalui panggilan telefon dengan pelbagai modus operandi bagi memperdayakan mangsa dalam mendapatkan data peribadi dan wang.

**Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kimanis, kegiatan penipuan (*scam*) dengan izin sama ada secara dalam talian (*online*) dengan izin ataupun luar talian (*offline*) dengan izin adalah tertakluk di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Suruhanjaya Sekuriti, Bank Negara Malaysia atau agensi-agensi berkenaan tertakluk kepada bentuk-bentuk penipuan yang dijalankan.

Bagi perkara berkaitan siasatan, terdapat Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM dan SKMM yang telah ditubuhkan, digerakkan dan sentiasa diperkasakan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan yang lebih strategik dan tersusun antara PDRM dan SKMM dalam membanteras jenayah siber termasuklah yang berkaitan penipuan (*scam*) dengan izin.

Kerjasama dan kolaborasi antara kedua-dua pihak, khususnya dalam perkongsian maklumat dan kepakaran adalah bertepatan bagi melancarkan aktiviti penguatkuasaan supaya dapat menangani isu penyalahgunaan media sosial dengan lebih efektif. Daripada aspek pengawal seliaan industri, SKMM turut menjalankan audit pengesahan data dengan Jabatan Pendaftaran Negara untuk mengesahkan integriti pangkalan data pelanggan talian telefon prabayar untuk memastikan bahawa semua nombor yang aktif disahkan dengan sewajarnya. Ini bagi mengelakkan ia disalahgunakan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab untuk tujuan penipuan dan seumpamanya.

**■1010**

Sehingga Oktober 2020, sebanyak 1,377,862 talian prabayar yang didaftar secara meragukan telah dikesan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 920,207 talian telah ditamatkan perkhidmatannya dan 457,645 telah dikemas kini dengan maklumat yang sah. KKMM melalui Jabatan Penerangan Malaysia juga melaksanakan strategi komunikasi yang terancang melalui saluran platform media sosial rasmi JAPEN bagi memastikan rakyat mendapat maklumat tepat dan sah Berkanaen penipuan siber.

Antara inisiatif kementerian yang lain untuk menyampaikan kesedaran ialah melalui pelbagai rancangan. Contohnya, Bual Bicara, laporan berita, pesanan

khidmat masyarakat (PSA), infografik di media sosial dan media dalam talian serta hebahan program-program radio, televisyen dan sebagainya.

Melalui CyberSecurity Malaysia, salah sebuah agensi kementerian, kami turut membantu rakyat menangani penipuan siber melalui pelbagai program keselamatan siber. Ini memerlukan pelaksanaan aktiviti kesedaran dan keselamatan siber yang berterusan dalam usaha untuk memupuk amalan keselamatan siber dan kehidupan harian dan juga meningkatkan pengetahuan ancaman siber yang sentiasa berubah mengikut teknologi semasa. CSM juga menyalurkan kepakaran teknikal keselamatan siber melalui kerjasama yang erat dengan agensi penguat kuasa seperti PDRM dan KPDNHEP. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan soalan tambahan pertama.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ada mengikuti jawapan baik, lebih baik yang telah disampaikan oleh Yang Berhormat Menteri. Apa juga yang dilaporkan di luar sana dalam media-media elektronik ataupun media cetak, ia merupakan satu *wake-up call* bagi kita bahawa jenayah siber ini sudah sampai tahap yang begitu dahsyat dan membimbangkan kepada kita. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua salah satunya contoh, *Macau Scam* umpamanya. *Macau Scam* ini adalah sebahagian kecil contoh yang telah terbongkar dan telah tertangkap beberapa dalangnya. Walaupun dalang itu sempat melarikan diri tetapi ditangkap semula.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu barangkali kebijakan ataupun strategi yang harus diambil oleh kementerian dalam membendung dan juga membanteras jenayah siber ini ialah dengan memantapkan lagi strategi dan kebijakan dalam mengesan alamat protokol ID ataupun alamat protokol internet atau yang dinamakan sebagai *IP address* ini untuk mengesan penjenayah-penjenayah siber itu.

Jadi, soalan saya Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, apakah statistik jenayah siber ataupun penipuan siber *Macau Scam* yang telah berlaku sepanjang tempoh ini, umpamanya daripada Januari hingga ke hari ini? Keduanya, apakah tindakan kementerian dalam memantapkan lagi kebijakan dan juga strategi pengesanan alamat protokol internet ataupun *IP address* itu? Ketiganya, tadi disebutkan beberapa jenis program atau pendekatan, *approach* oleh kementerian dalam...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, soalan panjang sangat, Yang Berhormat.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** ...memberikan bimbingan, didikan kepada masyarakat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, lebih masa, soalan panjang.

**Datuk Mohamad bin Alamin [Kimanis]:** Jadi, apakah lagi cara yang terbaik daripada kementerian untuk memberikan didikan kepada masyarakat? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Terima kasih. Berkennaan dengan *Macau Scam*, yang ini saya mohon kalau ia boleh dijawab secara bertulis. Tuan Yang di-Pertua, tadi soalan asal Yang Berhormat ialah berkaitan dengan kementerian, izinkan saya untuk menyebutkan pendekatan kerajaan secara keseluruhan. Saya fikir ini boleh membantu, walaupun yang ditanya oleh Yang Berhormat Kimanis itu sangat teknikal. Itu memang kerja-kerja di bawah SKMM dan kerja-kerja bawah CSM. Akan tetapi izinkan saya dalam masa pendek sahaja, untuk menyebutkan tentang hakikat bahawa kerajaan menerusi Majlis Keselamatan Negara telah menggariskan sebuah strategi yang komprehensif yang dipanggil Strategi Keselamatan Siber Malaysia 2020–2024. Ini adalah untuk kita memperkasa lagi agensi-agensi yang ada, misalnya saya sebutkan tadi CSM di bawah kementerian dan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) di bawah Jabatan Perdana Menteri, di bawah Majlis Keselamatan Negara. Jadi, sebanyak RM1.8 bilion telah disediakan untuk inisiatif-inisiatif yang terkandung di bawah Strategi Keselamatan Siber Negara 2020–2024.

Apa yang teknikal itu, *insya-Allah* dari semasa ke semasa kita perkukuhkan makmal-makmal yang sedia ada, khususnya di CSM. Terima kasih.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Bangun]* Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua daripada pihak...

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Daripada mana?

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lembah Pantai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Lembah Pantai, silakan.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Seorang Ahli:** Lobi kuat ini.

**Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai]:** Lobi kuat, ya. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Berkennaan dengan penipuan siber, kita lihat terutama yang menggunakan aplikasi telefon ini, semestinya penjenayah menggunakan pangkalan data yang khusus. Saya rasa masih berlegar di luar sana satu misteri berkaitan dengan 46 juta data peribadi pengguna perkhidmatan telekomunikasi yang melibatkan sebuah syarikat bernama Numera yang telah dibongkarkan pada tahun 2017. Adakah Yang Berhormat Menteri boleh menyatakan sama ada kerja-kerja jenayah yang berlaku sekarang ini ada menggunakan data daripada 46 juta data set peribadi yang telah dicuri daripada set yang dipegang oleh Numera sekitar tahun 2017. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Saifuddin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta panduan tetapi saya merasakan bahawa saya tidak dapat menjawab soalan itu kerana ia melibatkan nama sebuah organisasi yang sekarang ini ada kes di mahkamah yang melibatkan agensi di bawah kementerian saya iaitu SKMM. Jadi, saya minta maaf, saya tidak dapat mengimbau soalan tersebut. Terima kasih.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jawapan Yang Berhormat Menteri, jawapan minta maaf, tidak boleh jawab. Jadi, saya jemput sekarang soalan nombor 2, Yang Berhormat Tuan Wong Kah Woh.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Speaker, soalan tambahan, Yang Berhormat Menteri tidak dapat jawab ini, tambahan.

2. **Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah peruntukan Kampung Baru yang telah disalurkan pada tahun 2020 setakat ini dan sebab-sebab kelewatan tersebut.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Alhamdulillah.* Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur kerana di atas soalan mengenai pembangunan Kampung Baru Cina. Jadi, untuk makluman Yang Berhormat, peruntukan yang telah kita sediakan untuk pembangunan Kampung Baru Cina ini adalah sebanyak RM42 juta untuk pembangunan infrastruktur dan peruntukan bantuan baik pulih rumah sebanyak RM5 juta dan RM13 juta untuk pinjaman khas. So, keseluruhannya adalah RM60 juta.

Jadi, untuk tahun 2020, untuk program-program infrastruktur kita telah meluluskan dan sudah *complete* kerja-kerja sebanyak RM15.4 juta iaitu hampir 40

peratus daripada peruntukan, sebanyak 235 projek. Dalam *breakdown-nya by the states*, jadi *alhamdulillah* Perak catat yang tertinggi sekali, Yang Berhormat. Oleh kerana saya ingat Yang Berhormat sangat peka tentang pembangunan Kampung Baru ini.

So, Perak mencatatkan sebanyak RM5.2 juta, diikuti oleh Johor sebanyak RM4.2 juta dan juga Pahang sebanyak RM1.4 juta. Akan tetapi malangnya Pulau Pinang dengan Terengganu tidak ada satu program lagi yang telah dimohon. Untuk bajet *allocation*, peruntukan kelulusan Program Bantuan Baik Pulih Rumah, telah dibelanjakan sebanyak RM1.7 juta. Begitu juga, Perak catat yang tertinggi sekali sebanyak RM564,000, diikuti oleh Perlis sebanyak RM262,000 dan Selangor sebanyak RM220,000.

So, di antara perkara—tidak ada kelewatan untuk saluran kewangan kepada projek-projek pembangunan kampung baru ini. Duit sudah ada, cuma oleh kerana PKP berlaku pada awal tahun ini dan juga pertukaran kerajaan, jadi ada perkara-perkara pelantikan yang harus kita buat pelantikan baharu.

#### ■1020

Namun demikian, kita tidak gugurkan ketua-ketua Kampung Baru yang dahulu. Kita tunggu sehingga tarikh tempoh bagi jawatan mereka itu tamat, baharu kita tukarkan. Jadi, *transition* ini mengambil masa juga dan dengan pelantikan yang baharu kita harus membuat latihan dan sebagainya dan oleh sebab itu jadi permohonan-permohonan selebih itu masih dalam proses dan belum lagi kita keluarkan peruntukan. Terima kasih.

**Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri tadi telah menyatakan sebanyak 40 peratus daripada peruntukan untuk pembaikan *infrastructure* telah pun disalurkan dan kita ada *balance* sebanyak 60 peratus lagi. Sememangnya di dalam tangan saya ada beberapa statistik yang menunjukkan bahawa terdapat projek-projek gotong-royong kecil yang telah pun dipohon pada awal tahun ini tetapi tidak dijalankan. Saya bagi contoh Kampar masuk sebanyak 28 projek, tiada satu pun yang diluluskan.

Larut Matang sebanyak 22 projek, satu yang diluluskan. Seremban 1 dan Seremban 2 sebanyak 18 projek tiada satu pun yang diluluskan. Kluang sebanyak 19 projek dipohon dan tidak ada satu pun yang diluluskan dan ini merupakan *track*, saya ada data-data yang lain, sekiranya saya boleh *share* dengan Yang Berhormat Menteri. So, sama ada pihak kementerian telah bersedia untuk mempertimbangkan semula kesemua permohonan ini memandangkan PKP sekarang masih belum lagi dilantik.

Soalan tambahan kedua saya adalah sama ada, bilakah PKP yang baharu akan dilantik dan juga di negeri-negeri yang mana yang belum ada lagi ketua kampung baharu seperti di negeri Perak dan Johor. Bagaimanakah peruntukan ini boleh disalurkan? Sekian, terima kasih.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak pasti tentang permohonan disebut ada lagi tertangguh sebanyak 28 projek di Kampar dan sebagainya seperti disebut tadi. Kalau kita lihat dalam statistik saya Perak ini sebanyak 52 juta ini adalah sebanyak 73 projek *but I don't have the break down by the kampung ya dengan izin.*

Jadi, tidak menjadi masalah, Yang Berhormat boleh serahkan kepada saya kalau boleh ada sekarang beri kepada saya *immediately* dan kita *cross check*. Kalau sekiranya memang belum dilaksanakan kita masih lagi buka sampai 15 November untuk kita pertimbangkan. Akan tetapi, kerja-kerja yang tidak melibatkan tender dan sebagainya. Ianya akan memudahkan kerana ia ambil masa, akaun kita akan tutup pada 30 November.

So, jadi untuk betul ada beberapa negeri yang tidak membuat pelantikan lagi Ketua Kampung Baru (Cina) iaitu Johor, Terengganu dan juga Perak. Jadi, ini juga melewatkannya untuk kerja-kerja di perak kerana tidak ada lagi pelantikan ketua-ketua Kampung Baru di peringkat negeri Perak, Terengganu dan juga Johor.

Jadi, daripada segi peruntukan itu memang sedia ada tetapi kalau tahun depan peruntukannya kita dengarkan bajet yang akan dibentangkan pada enam hari bulan ini dan kita boleh mulakan permohonan yang baharu *insya-Allah*. Terima kasih.

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri terima kasih, saya tidak ambil kesempatan. Saya cuma hendak ambil mana yang sempat kalau boleh. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sedikit kalau tidak boleh jawab bagi tahu dalam bertulis pun tidak apa.

Berkaitan dengan rumah PPR Baling yang mana tergendala itu masih lagi tidak buat lagi. Jadi, saya hendak tanyalah— saya tahu Kampung Baru itu sebab itu saya sebut tadi saya tidak ambil kesempatan, saya cuma ambil mana yang sempat. Jadi, kalau tidak boleh jawab bagi secara bertulis. Saya hendak tahu berkaitan dengan Rumah PPR Baling, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak boleh Yang Berhormat. Yang Berhormat sudah salah naik bas ini.

*[Dewan ketawa]*

**Datuk Seri Panglima Abdul Azeez bin Abdul Rahim [Baling]:** Janji mesej sampai Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak boleh Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Pasir Salak.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Tidak perlu jawab hari ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tak apa, boleh minum teh tarik ya, Yang Berhormat Menteri.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Baling boleh berjumpa dengan sayalah, boleh borak *insya-Allah*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh Pasir Salak saya? Itu soalan tidak relevan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan sama ke soalan lain?

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tidak relevan saya hendak tanya yang relevan ke Kampung Baru.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Okey, silakan Yang Berhormat Pasir Salak.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Boleh ya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Terima kasih. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, berapa yang telah diluluskan kepada Kampung Baru Chui Chak dan Langkap dalam kawasan Parlimen Pasir Salak? Kalau boleh tambahlah banyak sedikit supaya dia orang boleh mengundi saya nanti.

*[Dewan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Pengerang sekali.

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin:** Yang Berhormat Pasir Salak, saya tidak ada *breakdown* untuk Chui Chak tetapi saya akan cuba ambilkan, berikan jawapan bertulis. Namun demikian, hendak beritahu tidak ada banyak, tidak ada sedikit. Setiap Ketua Kampung Baru diperuntukkan sebanyak RM100,000. So, jadi mereka boleh memohon kerja-kerja *infrastructure* membina jalan, dewan dan sebagainya. Okey, terima kasih.

3. **Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]** minta Menteri Kanan Pendidikan menyatakan perancangan Kementerian Pendidikan pada masa ini ke atas lot tanah pendidikan di belakang Klinik Kesihatan Simpang, Parlimen Bukit Gantang. Adakah Kementerian Pendidikan bersedia memberi kebenaran dan tukar pegangan tanah untuk dibangunkan sebuah bandar baharu untuk dijadikan kawasan limpahan ekonomi yang dapat memberi manfaat kepada rakyat setempat.

**Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia komited dalam usaha menyediakan prasarana dan kemudahan infrastruktur pendidikan kepada semua murid di seluruh negara.

Bagi tujuan ini, KPM sentiasa memantau dan mengkaji keperluan membina sekolah baharu, menaik taraf atau menyelenggarakan sekolah sedia ada untuk memastikan murid dapat mengikuti pembelajaran dalam keadaan selamat dan selesa. Dalam konteks pembinaan sekolah baharu dia atas tanah yang telah dirizabkan untuk tujuan pendidikan, KPM sentiasa mendapat input dan cadangan dari Jabatan Pendidikan Negeri (JPN).

Seterusnya, KPM akan melaksanakan analisis keperluan secara terperinci. Antara perkara yang diambil kira adalah bilangan dan kapasiti sekolah sedia ada, kepadatan penduduk di kawasan sekitar, liputan kawasan tadahan penduduk atau *catchment area* dengan izin serta perancangan pembangunan kawasan tersebut berdasarkan perbincangan bersama-sama Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Berkaitan dengan pembangunan Lot Tanah Rizab Pendidikan di Simpang Taiping Perak, KPM melalui Jabatan Pendidikan Negeri Perak telah membuat analisis keperluan. Pada masa ini terdapat sebanyak lima buah sekolah rendah dan sebanyak empat buah sekolah menengah di sekitar Mukim Simpang, Taiping. Keseluruhan jumlah enrolmen adalah seramai 5,425 orang murid.

Terdapat sebanyak dua buah sekolah menengah yang beroperasi secara dua sesi. Enrolmen murid sedia ada bagi kesemua sekolah berkenaan telah mencapai tahap optimum dan tidak lagi mampu menampung pertambahan jumlah murid. Analisis yang dilaksanakan oleh KPM mendapat wujud keperluan untuk membina sekolah baharu di Mukim Simpang Taiping, Perak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM telah merancang untuk melaksanakan projek pembangunan di atas tanah rizab pendidikan yang dimiliki oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) di Lot PT 280 dan PT 281 Mukim Simpang Taiping, Perak. Projek pembangunan pendidikan ini melibatkan pembinaan Kompleks Pendidikan yang merangkumi sekolah rendah, sekolah menengah dan Pejabat Pendidikan Larut, Matang dan Selama.

Namun begitu, ini tertakluk kepada kelulusan agensi pusat dan juga kedudukan kewangan kerajaan. Oleh yang demikian, KPM berpendirian bahawa tapak tanah tersebut perlu dikekalkan sebagai Tanah Rizab Pendidikan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [Bukit Gantang]:**  
Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas penjelasan yang begitu jelas dan rancangan akan dibina sekolah di tanah tersebut. Cuma, penduduk di Bukit Gantang ini sebanyak 70,000 orang pengundi telah lama menanti. Dari tahun 2002 rancangan itu telah disebut, sehingga sekarang masih belum dilaksanakan.

Saya mohon kalau kementerian tidak mempunyai peruntukan, ada pihak swasta sanggup membangunkan dan memulangkan kompleks itu kepada kerajaan. Mohon dipertimbangkan. Terima kasih.

**Dr. Radzi bin Jidin:** terima kasih Ahli Yang Berhormat dan terima kasih atas cadangan tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang melihat secara menyeluruh keperluan untuk membina sekolah-sekolah khususnya di kawasan atau di sekolah yang mana jumlah pelajarnya telah terlalu tinggi dan agak terlalau sesak. Kementerian sedang melihat kaedah-kaedah yang terbaik bagi memastikan dalam konteks kekangan kewangan yang ada kita dapat melakukan yang terbaik berdasarkan prioriti yang telah disusun oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Soalan tambahan.

**Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad [Setiawangsa]:** Soalan tambahan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan yang kedua Yang Berhormat Simpang Renggam.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Antara faktor penting keberkesanan Proses Pengajaran dan juga Pembelajaran atau PDP ialah sekolah yang kondusif prasarana, sekolah kondusif dan sebaik-baiknya berlaku dalam satu sesi.

## ■1030

Oleh sebab itu, kita melihat perlunya pembinaan sekolah-sekolah baru – Kalau tadi disebutkan di kawasan Bukit Gantang, begitu juga di seluruh Malaysia, ia perlu diberikan penekanan. Namun, kita tahu kekangan dana kerajaan di waktu ini dan sebelum ini. Persoalannya ialah apakah pihak kementerian mempunyai hala tuju dan iltizam yang jelas bagi meyakinkan pihak Unit Perancang Ekonomi dan juga pihak berkuasa negeri bagi membolehkan projek *land swap* dilakukan secara besar-

besaran, tetapi terancang dan telus untuk mengatasi isu pembinaan sekolah-sekolah baru ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Menteri Kanan Pendidikan [Dr. Radzi bin Jidin]:** Terima kasih Yang Berhormat. Berkaitan dengan hala tuju. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian mempunyai satu hala tuju yang cukup jelas dalam konteks keperluan untuk membina sekolah-sekolah baru. Yang Berhormat bercakap berkaitan dengan sekolah dua sesi. Kita juga ada sekolah satu sesi yang terlalu sesak, jumlah pelajarnya pada sesi pagi kadang-kadang sudah mencapai melebihi 1,500 orang pelajar.

Pada masa ini, kita melihat secara menyeluruh keperluan dan keutamaan yang kita perlu laksanakan dan berdasarkan kajian tersebut, kita telah menyusun keperluan kewangan. Daripada itu, kita telah berbincang dengan EPU dalam konteks Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12) dan juga melihat keperluan untuk kita mengadakan *land swap*. Kelebihan Kementerian Pendidikan adalah kita mempunyai tanah-tanah yang telah dirizabkan untuk tujuan pendidikan. Kita sentiasa dan sedang melihat secara menyeluruh bagaimakah kita dapat optimumkan penggunaan tanah ini bagi memastikan supaya kita dapat membina sekolah-sekolah baru untuk menyelesaikan isu sekolah dua sesi dan juga isu sekolah yang terlalu sesak. Sekian, terima kasih.

**Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]:** Jadi, Yang Berhormat Menteri berkaitan *land swap* tadi? Apakah rancangan besar-besaran? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat? Yang Berhormat? Yang Berhormat kena tunggu saya jemput Yang Berhormat. Saya tidak jemput, minta maaflah Yang Berhormat ya.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub, soalan nombor empat. Silakan.

**4. Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [ Pulai ]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah kaedah pelaksanaan pelan pakej rangsangan ekonomi domestik yang inklusif bagi membantu negara menangani suasana ekonomi yang mencabar sepanjang tahun 2020.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Pulai.

Untuk makluman Yang Berhormat, kaedah dan inisiatif pelaksanaan pakej rangsangan ekonomi yang telah dilaksanakan semenjak pandemik COVID-19 adalah seperti berikut:

- (i) memberi bantuan tunai melalui Bantuan Prihatin Nasional secara one-off sehingga RM1,600 kepada golongan isi rumah B40 dan M40 serta individu bujang;
- (ii) memberi kemudahan pengeluaran i-Lestari bagi pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dengan kadar maksimum RM500 sebulan selama 12 bulan;
- (iii) memberi bantuan tunai kepada pemandu e-hailing, pemandu teksi, bas sekolah, pemandu pelancong dan bas persiaran sebanyak RM70 juta kepada 131,000 orang penerima;
- (iv) memperkenalkan Program Subsidi Upah bagi membantu majikan mengekalkan pekerjaan daripada dibuang dan hilang pendapatan dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM11.9 bilion dengan jumlah penerima lebih kurang 2.6 juta orang pekerja dan melibatkan lebih 322,000 orang majikan;
- (v) memberi kemudahan moratorium pinjaman selama enam bulan oleh institusi perbankan dan agensi kerajaan dengan jumlah sebanyak RM100 bilion kepada peminjam individu dan juga perniagaan;
- (vi) memberikan Geran Khas Prihatin kepada PKS mikro berjumlah RM1.6 bilion kepada hampir 545,000 orang penerima bagi menampung keperluan aliran tunai perniagaan yang terjejas;
- (vii) memperuntukkan sebanyak RM4 bilion bagi pelaksanaan projek infrastruktur berskala kecil seperti menambah baik jalan, menaik taraf sekolah daif serta meningkatkan kemudahan pelancongan;
- (viii) memberi insentif cukai bagi merancakkan semula pasaran harta tanah dengan memperkenalkan semula kempen pemilikan rumah dan memberikan pengecualian cukai keuntungan harta tanah;
- (ix) memberi pengecualian cukai jualan ke atas penjualan kereta penumpang pemasangan tempatan dan kereta penumpang yang diimport;
- (x) mengurangkan kadar dasar semalam atau *overnight policy rate*, dengan izin, sebanyak 125 mata asas sejak Januari 2020 kepada 1.75 peratus untuk meningkatkan aktiviti penggunaan dan pelaburan;
- (xi) menurunkan nisbah Keperluan Rizab Berkanun (*Statutory Reserve Requirement*) dengan izin, daripada tiga peratus kepada dua peratus bagi meningkatkan kecairan dalam sistem kewangan dan menggalakkan aktiviti pinjaman.

Untuk memastikan semua inisiatif Paket Rangsangan Ekonomi dapat dilaksanakan dan sampai kepada kumpulan sasar dengan cepat dan lancar, Unit Pelaksanaan dan Koordinasi Stimulus Ekonomi Antara Agensi Nasional (LAKSANA) telah ditubuhkan di Kementerian Kewangan. Unit ini akan memantau dan melaporkan secara mingguan prestasi pelaksanaan serta inisiatif Paket Rangsangan Ekonomi yang telah diumumkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama, silakan.

**Datuk Seri Haji Salahuddin bin Ayub [Pulai]:** Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab dengan panjang lebar tentang Paket Rangsangan Ekonomi. Soalan tambahan saya Yang Berhormat, bolehkah saya tahu sepanjang bulan Mac hingga bulan September di atas pelbagai rangsangan itu, berapakah nilai projek yang diberikan secara rounding terus (*direct nego*)?

Kedua, Yang Berhormat, adakah isu moratorium itu yang sangat diharapkan oleh rakyat akan dapat dilanjutkan kerana inilah suara rakyat Malaysia yang saya rasa terlalu meminta kerajaan untuk melanjutkan moratorium itu. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat. Soalan yang pertama, iaitu berkaitan dengan *direct nego*. Seperti mana saya telah jelaskan sebelum ini di Dewan yang mulia ini, bahawa *direct nego* hanya boleh diberikan kepada kriteria-kriteria tertentu.

Dalam pakej yang dilaksanakan ini, saya tidak ada maklumat berkaitan dengan adakah ia pemberian secara *nego* atau tidak – akan tetapi, saya akan bekalkan kepada Yang Berhormat selepas ini.

Berkaitan dengan moratorium ini, sebenarnya pada hari Jumaat ini kita akan ada pembentangan Bajet. Oleh sebab itu, untuk menentukan sama ada inisiatif ini dilaksanakan atau tidak, kita tunggu pada hari Jumaat nanti sama ada, ada pengumuman berkaitan dengan perkara ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar tadi pelbagai pakej dan pelbagai inisiatif yang dinyatakan begitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS, PENJANA dan sebagainya.

Saya nak tanya soalan, apakah mekanisme kementerian untuk mengoptimumkan Dasar *Buy Malaysia First* di kalangan rakyat, merancakkan industri tempatan di samping mewujudkan momentum positif dalam ekonomi domestik? Kedua, berdasarkan pada insentif Rangsangan Ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan, apakah unjuran pertumbuhan ekonomi domestik pada tahun ini? Pada tahun yang mendatang, adakah ia berada dalam kedudukan yang positif? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Jempol. Soalan pertama yang dikemukakan ialah berkaitan dengan *Buy Malaysia Product*. Sudah tentu dalam Pakej Rangsangan Ekonomi ini kita memberikan keutamaan kepada pembelian *Buy Malaysia Product* kerana ia akan memberikan rangsangan terhadap ekonomi negara kita. Walau bagaimanapun, sebagai sebuah ekonomi yang terbuka, kita juga mungkin bagi produk-produk tertentu untuk mendapatkannya dari luar negara.

Berkaitan dengan unjuran pertumbuhan ekonomi, seperti mana yang saya ingin jelaskan di sini ialah bahawa terdapat petunjuk pada pertama suku tahun 2020, KDNK kita telah pun mencatat pertumbuhan sebanyak 0.7 peratus. Manakala pada suku tahun kedua KDNK negara telah menguncup sebanyak -17.1 peratus berikutan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

#### ■1040

Walau bagaimanapun, jika dilihat pertumbuhan ekonomi secara bulanan, KDNK telah menunjukkan trend pemulihan daripada -28.6 peratus dari bulan April kepada -19.5 peratus pada bulan Mei dan seterusnya -3.2 peratus pada bulan Jun. Bagaimanapun bagi unjuran, dijangka kembali berkembang sebanyak 5.5 peratus sehingga lapan peratus pada tahun 2021. Terima kasih Yang Berhormat.

**5. Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan status projek perumahan generasi kedua FELCRA Changkat Lada, Seberang Perak.

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Pasir Salak.

Tuan Yang di-Pertua, projek Perumahan Generasi Kedua Seberang Perak (Fasa 2) adalah merupakan sebuah projek komersial melibatkan pembinaan 710

buah rumah. Sesebuah yang dijual harga mampu milik daripada harga RM128,888 sehingga RM317,888 unit yang telah dimulakan pembinaannya pada tahun 2014.

Kos keseluruhan projek ini adalah sebanyak RM100 juta, di mana RM29 juta adalah peruntukan infrastruktur yang dibiayai oleh KPLB manakala RM71 juta adalah peruntukan bagi pembinaan rumah yang dibiayai oleh FELCRA Berhad. Projek ini dijadualkan siap pada tahun 2018. Walau bagaimanapun sehingga kini projek ini masih belum dapat diserahkan oleh kontraktor kepada FELCRA Berhad kerana pihak kontraktor yang dilantik masih berurusan dengan pihak-pihak pengguna tempatan.

Bagi memenuhi kehendak-kehendak pengeluaran sijil perakuan dan pematuhan ataupun CCC, pengguna tempatan iaitu sebanyak lima buah agensi iaitu Tenaga Nasional Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Lembaga Air Perak, Indah Water Konsortium dan Majlis Daerah Perak Tengah. Sehingga kini daripada lima buah agensi ini hanya dua buah agensi telah memberikan sokongan iaitu TNB dan TMB.

Bagi melengkapkan kelulusan CCC ini pihak JKR telah mengarahkan supaya setiap simpang masuk ke kawasan penempatan diwujudkan lampu isyarat disebabkan faktor keselamatan. Hal ini kerana sebelum ini telah pun berlaku dua kemalangan maut. Namun demikian pembinaan lampu isyarat ini akan melibatkan laluan paip utama IWK. Justeru itu, laluan paip perlu diubah yang melibatkan kos keseluruhan RM1.6 juta yang akan dibiayai oleh KPLB.

Kerja-kerja pembinaan lampu isyarat ini dan pengubahan alih laluan paip utama IWK akan berakhir selewat-lewatnya tahun 2020. Pihak FELCRA Berhad sedang berusaha untuk menyelesaikan masalah kelewatan ini dan dijangka projek ini dapat diserahkan sepenuhnya kepada FELCRA Berhad pada suku tahun pertama tahun 2021. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, macam mana boleh bertukar dari projek untuk membela anak-anak peserta FELCRA kepada projek komersial? *This was not the... dengan izin, when I was the Chairman of FELCRA this project* saya buat untuk anak-anak peserta FELCRA. Sudah harganya kurang daripada itu yang dikata RM300,000 dan RM120,000 ini tidak betul ini!

Kalau begini saya hendak minta pengurusan FELCRA, CEO itu buang, ganti orang lain. *[Tepuk]* Betul, suatu ketika saya balik ke kawasan saya tengok semak samun. Apa dah ini? Saya dapatkan tanah itu 380 ekar dan kita bagi kepada peserta cuma secara percuma. Bayaran hanya RM1,500 satu lot tanah yang luasnya 5,000

kaki persegi boleh buat banglo. Kenapa kos harga jualan sudah naik dan dijadikan komersial? Ini tidak betul, betulkan balik Yang Berhormat Dato' Timbalan Menteri. Saya bagi *warning* ini sebab saya hendak bertanding lagi esok. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Menteri.

**Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]:** Sudah isytihar kah?

**Dato' Dr. Xavier Jayakumar a/l Arulanandam [Kuala Langat]:** Apa soalannya?

**Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad:** Sabarlah, saya dapat agak soalan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Pasir Salak. Walau bagaimanapun, persoalan yang ditimbulkan, saya hendak ucap tahniahlah kepada Yang Berhormat Pasir Salak kerana memandangkan beliau yang mencadangkan projek ini sewaktu beliau menjadi Pengurus FELCRA.

Saya pun tidak menjangkakan bahawa projek ini telah dinyatakan oleh Yang Berhormat Pasir Salak menjadi projek komersial dan ini sudah pastilah saya terpaksa menghadapi untuk berbincang kembali dengan FELCRA, apakah punca ia menjadi sebuah projek komersial. Saya tidak menjangkakan bahawa asal yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Pasir Salak adalah projek kos rendah untuk dibiayai oleh masyarakat setempat.

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** Tuan Yang di-Pertua, *this is a social responsibility of FELCRA* kepada anak-anak peserta. *Social responsibility*, tanggungjawab sosial.

**Dato' Sri Hj Abdul Rahman bin Mohamad:** Ya dan saya percaya satu penyelesaian boleh dilakukan untuk demi kebaikan di kawasan Pasir Salak itu sendiri. Jadi, terima kasih Yang Berhormat Pasir Salak, kita bincang belakang Yang Berhormat Pasir Salak, ya. Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Sri Haji Tajuddin bin Abdul Rahman [Pasir Salak]:** *That is the spirit. Thank you.*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua daripada pihak pembangkang. Ada? Tidak ada, okey. Saya menjemput Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Hassan.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit saya mahu berpantun.

*Bunga mawar harum semerbak,  
Dihadiahkan puteri besar sejambak,  
Jika tidak mahu COVID-19 merebak,  
Soalan nombor enam mohon dijawab Dato'.*

**6. Tuan Ahmad bin Hassan [Papar]** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan jaminan daripada aspek kecukupan pembekalan vaksin untuk COVID-19 yang dikatakan sedang berada dalam fasa penentuan harga tempatan dan apakah usaha kementerian dalam memastikan vaksin tersebut dapat dibekalkan secara saksama kepada rakyat luar bandar dan pedalaman yang tidak berkemampuan.

**Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar]:** Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Papar. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab bersekali soalan ini bersama soalan bertarikh hari ini di nombor 18 daripada Yang Berhormat Permatang Pauh, nombor 56 daripada Yang Berhormat Kapar, nombor 57 daripada Yang Berhormat Serian serta soalan bertarikh 10 November daripada Yang Berhormat Tebrau dan juga daripada Yang Berhormat Kimanis.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Malaysia ketika ini tidak mempunyai fasiliti pembuatan vaksin bagi kegunaan manusia dan ini termasuklah juga bagi COVID-19. Jaminan akses awal dan aspek kecukupan pembekalan vaksin adalah sangat penting bagi menjamin bekalan vaksin COVID-19 dapat disediakan kepada semua lapisan masyarakat di Malaysia.

Vaksin COVID-19 yang telah dikenal pasti hendaklah selamat dan keberkesanannya terbukti. Justeru, kerajaan menerusi kaedah diplomasi sains yang digerakkan bersama bermula April lalu antara Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi telah melaksanakan pendekatan pelbagai hala, *multi-pronged approach* dengan izin bagi membolehkan Malaysia memperoleh jaminan akses kepada bekalan vaksin COVID-19 yang sedang giat dibangunkan di seluruh dunia.

Berdasarkan senarai vaksin COVID-19 daripada WHO bertarikh 3 November 2020, terdapat 202 calon vaksin sedang dibangunkan dengan 10 daripadanya berada dalam ujian klinikal fasa ketiga. Menerusi pendekatan pelbagai hala daripada diplomasi sains Malaysia, beberapa rundingan telah dan sedang dimuktamadkan dengan pembangun vaksin di seluruh dunia termasuklah bersama Kerajaan China apabila lawatan pada 13 Oktober yang lepas Menteri Luar China, Wang Yi telah

umumkan Malaysia dalam senarai keutamaan untuk menerima vaksin daripada China.

Selain daripada itu, rundingan fasiliti Akses Global Vaksin COVID-19 (COVAX) dan juga syarikat farmaseutikal luar negara yang lain. Kerajaan juga mengalu-alukan penglibatan entiti-entiti swasta dalam urusan perolehan vaksin dan mendirikan fasiliti pembuatan vaksin termasuk melalui pendekatan kerjasama awam swasta.

**■1050**

Pendekatan kerjasama awam–swasta ini telah dibincangkan dalam Mesyuarat Majlis Sains pada bulan Julai yang lepas. Pemilihan syarikat farmaseutikal tempatan yang memenuhi syarat Amalan Perkilangan Baik, mengikut standard *Pharmaceutical Inspection Co-operation Scheme* akan dilakukan secara telus mengikut keupayaan untuk membeli vaksin atau mengilang pembotolan produk.

Bagi tujuan penyelarasan dalam memastikan bekalan vaksin COVID-19 diperoleh dengan segera, selamat dan sempurna, Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV) telah ditubuhkan melalui persetujuan Jemaah Menteri pada 21 Oktober yang dipengerusikan bersama oleh Yang Berhormat Menteri Kesihatan dan juga Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi yang bertindak sebagai jawatankuasa induk dalam merancang, melaksana dan memantau keseluruhan strategi untuk pembekalan vaksin COVID-19.

Sehubungan dengan itu, bekalan vaksin awal dijangka diperoleh pada suku pertama tahun 2021 dengan wajaran pertama untuk tiga peratus populasi negara yang terdiri daripada para petugas barisan hadapan meliputi sektor kesihatan dan keselamatan seperti doktor, jururawat, polis, petugas penjara dan imigresen. Akses vaksin kepada masyarakat di luar bandar dan pedalaman yang tidak berkemampuan juga akan diperhalusi dan akan diangkat sebagai keutamaan sejajar dengan vaksin COVID-19 ini dilihat sebagai satu keperluan awam (*public good*). Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama.

**Tuan Ahmad bin Hassan [Papar]:** Apakah pelan spesifik dan strategi kementerian bersama dengan Kementerian Kesihatan dalam memastikan 85 peratus *herd community* ataupun komuniti kelompok seperti yang disarankan oleh *World Health Organization* dapat dicapai apabila kita berjaya mendapatkan vaksin ini kelak?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Terima kasih kepada ahli Yang Berhormat dari Papar. Kita telah menggerakkan sebuah jawatankuasa yang memang sedia ada yang mana jawatankuasa ini akan melihat kepada polisi imunisasi COVID-19 kebangsaan. Melalui jawatankuasa ini kita akan merangka satu strategi untuk memastikan bahawa kita mencapai *herd immunity* seperti mana yang telah dicadangkan. Antara lain kita menyediakan Polisi Imunisasi. Kita akan melatih anggota kesihatan dalam kita melaksanakan imunisasi secara besar-besaran. Kita akan melaksanakan program komunikasi untuk memastikan bahawa kita dapat sampaikan kepada rakyat bahawa vaksin ini selamat dan juga vaksin ini mestilah diambil oleh rakyat bagi melindungi mereka daripada COVID-19.

Jadi, implementasi kepada pelan imunisasi ini akan bermula pada akhir tahun ini dengan latihan, dengan komunikasi dan sebagainya agar kita dapat mencapai *herd immunity* yang dimaksudkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya menjemput soalan tambahan kedua Yang Berhormat Libaran.

**Beberapa Ahli: [Bangun]**

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut Yang Berhormat Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, ketika ini kerajaan sedang meninjau harga indikatif pemerolehan bagi vaksin itu. Soalan saya, minta Yang Berhormat Menteri jelaskan apa-apa perkembangan terkini rundingan dengan pihak Covex bagi penyertaan Malaysia dalam kemudahan tersebut bagi mendapatkan vaksin COVID-19. Walaupun tadi, saya rasa memang ada jawapan daripada Yang Berhormat Menteri.

Minta juga Yang Berhormat Menteri nyatakan, apakah persediaan awal yang akan dibuat oleh Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 ini yang diketuai oleh kedua-dua kementerian iaitu MOSTI dan juga KKM? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Berkenaan dengan rundingan bersama dengan Covex, ia dalam peringkat terakhir dan sekarang ini perbincangan sedang dilaksanakan oleh kementerian saya dan Kementerian Kesihatan, Kementerian Kewangan dan juga Jabatan Peguam Negara bagi kita menyertai secara rasminya Covex. Daripada segi harga yang ditawarkan oleh Covex, *indicative price* dengan izin adalah daripada segi maksimumnya USD21 untuk satu vaksin.

Jadi, kita masih lagi sedang melihat apakah beberapa klausa dalam perjanjian dengan Covex yang masih perlu diperhalusi lagi dan kita harap bahawa

kita akan dapat menandatangani penyertaan dalam Covex facility ini dalam jangka masa yang terdekat.

Namun, saya ingin jelaskan bahawa Covex ini hanya sebahagian sahaja daripada keperluan kita untuk mendapat vaksin COVID-19. Sebahagian besar akan kita peroleh melalui rundingan dua hala dengan negara lain ataupun dengan syarikat-syarikat lain.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar dengan tekun jawapan Yang Berhormat Menteri sebentar tadi. Rancangannya disebutkan akan dilaksanakan tahun hadapan, namun menyebutkan tentang jumlah tiga peratus yang akan diberikan kepada *frontliners* – Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan bahawa sehari kalau kita *lockdown* Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan kita akan kehilangan tidak kurang daripada RM2 bilion.

Saya mencadangkan supaya segala peruntukan wajar diberikan dan wajar disokong oleh MOSTI dan juga KKM supaya paling tidaknya 60 peratus— dengan dua dos kalau dianggarkan USD20 satu dos, kurang lebih 60 peratus rakyat diberikan imunisasi itu, kita akan berbelanja RM1.5 bilion tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau saya ingin tegaskan, andainya kalau peruntukan belanjawan kali ini berbelanja dalam RM2 bilion pun, dalam dua hari kita *lockdown*, kita akan mendapatkan pulangan itu kembali, *return of investment*. Sangat penting diberikan penekanan perkara ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Tuan Khairy Jamaluddin Abu Bakar:** Ya, terima kasih. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Selangor, tiga peratus itu hanyalah wajaran pertama. Ia adalah untuk kita diberikan secara *fast track priority*. Untuk makluman Yang Berhormat Kuala Selangor, perancangan kerajaan melalui jawatankuasa dan juga perbincangan dengan Kementerian Kewangan bagi tahun depan bukan setakat RM1 bilion sahaja. Saya telah maklumkan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan yang sekurang-kurangnya kita perlu mengimunisasikan 70 peratus daripada rakyat Malaysia dan saya telah minta sebanyak RM3 bilion untuk disediakan bagi tahun

depan. Jadi, yang tiga peratus itu hanyalah untuk *priority* pertama bagi *frontliners* kita. Terima kasih.

**Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad [Kuala Selangor]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Dr. Lee Boon Chye [Gopeng]:** Ini soalan penting.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan, silakan.

7. **Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan usaha baru dan lama yang dibuat oleh semua jabatan dan agensinya bagi menambah bilangan usahawan dalam kalangan graduan dan lepasan institusi di bawah kementerian dan setakat manakah kejayaan serta berikan contoh-contoh pencapaiananya.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Noraini Ahmad]:** Terima kasih atas soalan yang Yang Berhormat Pontian. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa komited dalam memastikan pendidikan tinggi negara berupaya melahirkan graduan IPT yang holistik dan seimbang daripada aspek ilmu dan akhlak, bercirikan keusahawanan serta berupaya untuk menjadi pemimpin yang cemerlang pada masa hadapan.

Antara usaha untuk menambah bilangan usahawan dalam kalangan pelajar yang dilaksanakan oleh kementerian adalah; Pertama, menerapkan elemen keusahawanan merentasi kurikulum dan bidang pengajian. Melalui usaha ini, pelajar didedahkan dengan program-program keusahawanan sebagai usaha untuk membudaya dan menerapkan nilai dan ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Kedua, menjadikan modul kursus asas keusahawanan sebagai subjek wajib di IPT untuk memastikan semua pelajar daripada pelbagai bidang pengajian mendapat pendedahan keusahawanan secara berstruktur.

Ketiga, melaksanakan rangka kerja penjana pekerjaan (*job creator framework*). Melalui kerangka ini pelajar akan diberi bimbingan dan galakan untuk mula menjalankan perniagaan atau menuju syarikat pemula mengikut bidang-bidang perniagaan masing-masing.

## ■1100

Sementara itu yang keempat, menyediakan inkubator keusahawanan bagi membantu pelajar mendapat latihan yang sistematik dalam menguruskan perniagaan dengan bantuan mentor keusahawanan daripada IPT sendiri atau dalam golongan usahawan.

Kelima, memperkenalkan dasar *green lane* dengan memberikan keutamaan kepada perniagaan dan koperasi milik pelajar di IPT menjadi antara pembekal perkhidmatan kepada IPT masing-masing. Keenam, menyediakan Program Pembiayaan Mikro sebagai galakan kepada pelajar untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan. Terkini, kementerian dengan kerjasama TEKUN Malaysia telah merangka Program KPT-MEDAC: Siswapreneur yang merupakan Program Pembiayaan Mikro, khusus untuk pelajar IPT. Sejumlah RM20 juta telah di peruntukan bagi tujuan pelaksanaan program ini.

Selain daripada usaha-usaha tersebut, sejumlah RM100 juta telah di peruntukkan melalui inisiatif Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) bagi melaksanakan program-program *reskilling and upskilling* kepada pelajar dan graduan. Program *reskilling* dan *upselling* ini dilaksanakan dalam bentuk program latihan kemahiran jangka pendek dan sederhana bagi memberikan nilai tambah kepada sejumlah 20,000 orang graduan universiti awam, politeknik dan kolej komuniti. Antara bidang latihan kemahiran yang disediakan termasuklah latihan kemahiran keusahawanan dan gig ekonomi. Graduan yang mengikuti Program Latihan Keusahawanan ini akan dipadankan dengan agensi pendanaan di akhir program bagi membolehkan mereka terus membuka atau meluaskan lagi perniagaan mereka sebaik sahaja menamatkan latihan.

Inisiatif yang dilaksanakan oleh kementerian ini telah berjaya melahirkan ramai usahawan berwibawa di kalangan graduan. Di sini saya ingin memberi contoh dua orang usahawan graduan yang telah mempamerkan kejayaan cemerlang. Pertama, Encik Arif Tukiman yang merupakan graduan dari Universiti Teknologi Malaysia dan merupakan Ketua Pegawai Eksekutif bagi syarikat RunCloud yang berpangkalan di Cyberjaya. Syarikat ini menguruskan lebih 230,000 aplikasi web daripada lebih 100 buah negara, termasuklah daripada Amerika Syarikat, United Kingdom dan India yang menjadi pasaran utama syarikat ini. Kedua, Cik Noorain Mohd Said, pengasas Norah Organik Hair Removal merupakan graduan dari Universiti Malaya yang menceburkan diri dalam bidang penjagaan diri dan perniagaan atas talian. Beliau telah berjaya mengembangkan perniagaan sehingga ke Singapura, Brunei, Thailand dan Korea. Ini hanya dua contoh usahawan graduan berbanding ramai lagi usahawan yang cemerlang.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2016 sehingga tahun 2019, seramai 49,983 orang pelajar telah menjalankan perniagaan dalam tempoh pengajian. Daripada jumlah tersebut, seramai 7,148 orang graduan masih meneruskan kerjaya mereka sebagai usahawan selepas tamat pengajian. Dalam

memperkasakan agenda keusahawanan, kementerian juga sedang memuktamadkan Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021–2025 dan *MOHE Guide to Entrepreneurship Integrated Education* yang akan menjadi *guiding principal*, dengan izin, yang lebih tuntas dalam upaya pembentukan ekosistem keusahawanan di IPT. Terima kasih banyak Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Panjang betul jawapan tetapi tidak mengapalah. Soalan tambahan yang pertama.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Terima kasih kerana kementerian melaksanakan enam langkah yang disebut. Saya ingin bertanya, apakah ada di antara langkah itu yang mengkhususkan mengenai e-Dagang? Oleh kerana mengikut kajian pasaran oleh Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyebut bahawa peniaga yang tidak menyertai e-dagang berisiko tutup kedai. Kajian itu juga menyebut bahawa peratusan semakin tinggi. Kira-kira 50 peratus rakyat dikesan sudah menukar proses pembelian secara dalam talian. Jadi, pertanyaan saya ialah dalam institusi di bawah KPT, setakat mana usaha untuk e-dagang ini dipertingkatkan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Terima kasih saya ucapan kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan berkenaan. Bidang keusahawanan ini memang menjadi keutamaan kementerian untuk dilaksanakan pada masa ini. Terutamanya keusahawanan digital. Oleh sebab kita tekankan penguasaan kemahiran, penggunaan teknologi oleh usahawan pelajar. Jadi, ada beberapa perkara yang kita tekankan. Pertama adalah keusahawanan sosial merupakan modal keusahawanan yang tidak hanya mementingkan keuntungan, malahan dapat membantu membangunkan ekonomi komuniti.

Keduanya, pula adalah keusahawanan digital seperti Yang Berhormat tanya tadi. Kemahiran selaras dengan perkembangan semasa kemahiran dalam menggunakan dan memanfaatkan teknologi sangat penting. Oleh itu, pembangunan keusahawanan digital adalah merupakan keusahawanan yang– ataupun bidang yang diberikan tumpuan oleh kementerian. Kementerian juga mengadakan beberapa kerjasama bersama dengan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN), MDEC, PUNB, TEKUN Malaysia dan MATRADE untuk memperkuatkan lagi, memastikan pelajar mempunyai kecenderungan keusahawanan e-dagang dan mendapat bimbingan sewajarnya. Terima kasih banyak Yang Berhormat.

**Dato' Wira Haji Amiruddin bin Haji Hamzah [Kubang Pasu]:** Kubang Pasu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Bukit Bintang....

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Padang Serai.

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah sambutan, penyertaan graduan pelbagai kaum dalam program keusahawanan ini? Berapakah bilangan usahawan yang sudah dilahirkan? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Mengenai soalan bilangan usahawan yang telah dilahirkan di universiti, saya ingin merujuk kepada jawapan asal saya. Seramai 49,983 orang pelajar yang telah menjalankan perniagaan dalam tempoh pengajian tersebut. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 7,148 orang masih lagi meneruskan kerjaya mereka sebagai usahawan walaupun mereka telah tamat pengajian. Jadinya— soalan yang pertama tadi Yang Berhormat?

**Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Dr. Noraini Ahmad:** Sambutan daripada kalangan graduan ini memang sangat menggalakkan sebab kita di kementerian kita fokuskan kepada tiga perkara. Pertama, mereka habis sahaja belajar, mereka akan bekerja dengan orang lain. Keduanya, kita akan encourage mereka ataupun galakkan mereka menjadi usahawan. Ketiganya, mereka menyambungkan pelajaran. Kita melihat disebabkan cabaran sekarang COVID-19 dan cabaran-cabaran yang terkini ini, maka sambutan terhadap kursus-kursus keusahawanan ini memang amat menggalakkan. Terima kasih.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak ada masa lah sebab banyak lagi Menteri-menteri hendak jawab. Minta maaf ya.

8. **Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** minta Menteri Tenaga dan Sumber Asli menyatakan program-program yang dilaksanakan sejak pewartaan Akta Access to Biological Resources and Benefit Sharing 2017. Jika ada, nyatakan pencapaiannya dan bagaimana akta ini digunakan bagi menjamin kepentingan Malaysia.

**Menteri Tenaga dan Sumber Asli [Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Klang. Sumber biologi yang dimiliki negara adalah sangat berharga sekali kerana ia berpotensi untuk diguna bagi penghasilan produk-produk baru, termasuk dalam industri farmaseutikal dan lain-lain. Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795] telah digubal untuk menghasilkan sumber biologi atau pengetahuan tradisi yang berkaitan diakses dengan jaminan perkongsian faedah serta mengekalkan berlakunya apa yang disebut kegiatan kecurian sumber biologi negara. Penguatkuasaan Akta 795 juga adalah selaras dengan obligasi dan komitmen negara di bawah *Convention on Biological Diversity (CBD)* dan *Nagoya Protocol on Access and Benefit Sharing* di peringkat antarabangsa.

Sejak pewartaan akta ini pada akhir tahun 2017, Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA) telah melaksanakan program-program kesedaran dan pembangunan kapasiti kepada pihak-pihak yang berkepentingan. Salah satu program yang boleh kita bangga ialah pendokumentasian Pengetahuan Tradisi Tumbuhan Ubatan Orang Asli Semenanjung Malaysia oleh Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM).

#### ■1110

Program ini, untuk makluman, telah berjaya mendokumentasikan pengetahuan tradisi tumbuhan ubatan oleh 18 suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia di mana ia telah mendapat pengiktirafan *most number of sub ethnic Orang Asli traditional knowledge documented and medical pragmatic plan* oleh *Malaysia Book of Records*. Saya boleh tunjuk di Dewan ini. Ini adalah dokumen yang telah kita bukukan. *[Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*.

Di negeri Sarawak dan Sabah juga sebenarnya tidak ketinggalan dalam mendukung Akta 795. Sebagai contoh, *Sarawak Biodiversity Center* telah membangunkan produk penjagaan kesihatan seperti syampu, sabun, terapi aroma berasaskan komposisi minyak yang terdapat di pokok *Litsea* di Sarawak. Produk ini, untuk makluman Dewan, berjaya dikomersialkan dan memberi manfaat kepada penduduk-penduduk Peribumi Sarawak.

Sementara itu, Pusat Biodiversiti Sabah juga telah berjaya mewujudkan satu protokol komuniti untuk komuniti Melangkap di Kota Belud. Dengan kewujudan protokol komuniti ini, penduduk di Kota Belud berupaya untuk melindungi dan mempromosi pengetahuan tradisi mereka, meningkatkan kesedaran mengenai

akses dan penggunaan pengetahuan tradisional serta pengendalian proses penyelidikan pengetahuan dan perkongsian faedah hasil penggunaannya.

Tuan Yang di-Pertua, melalui Akta 795, sumber biologi dan pengetahuan tradisi negara yang dijumpai di negara ini dikaji dan dibangunkan menjadi produk bernilai tinggi dan komersial. Sehubungan itu, isu mencuri atau merompak hasil biodiversiti negara dapat kita banteras di mana sumber biologi dan pengetahuan tradisi diambil tanpa kebenaran dan dibangunkan untuk tujuan komersial tanpa sebarang perkongsian faedah kepada negara dapat kita halang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Charles Anthony Santiago [Klang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya keliru dengan jawapan yang telah dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi sebab bila saya periksa— ataupun sebagai kesediaan untuk soalan ini, saya melawat laman web *Attorney General* untuk mencari maklumat lanjut tentang Akta Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017. Laman AGC mengatakan bahawa akta ini belum dilaksanakan. Dalam bahasa Inggeris, “*Not yet enforce*”. So, saya pun keliru siapa yang betul. Adakah agensi yang betul kah ataupun Yang Berhormat Menteri yang betul? Sebab AGC punya laman web mengatakan “*Not enforce*”.

Akan tetapi, Yang Berhormat Menteri, soal ini adalah penting memandangkan bahawa sumber biologi dan alam sekitar merupakan kepentingan negara yang telah disenaraikan oleh Yang Berhormat Menteri.

So, soalan saya, Yang Berhormat Menteri, ialah saya takut seperti yang telah berlaku pada tahun yang lalu di mana molekul Tongkat Ali telah dipaten oleh firma tempatan tetapi kalau firma luar negara ataupun *multinational corporations* paten isu di Malaysia, maka *this is a loss for Malaysia*. Oleh sebab itu, saya minta Yang Berhormat Menteri untuk mengatakan kepada kita macam mana kerajaan akan menjamin kepentingan rakyat Malaysia khususnya Orang Asli supaya mereka dapat berkongsi faedah dalam *intellectual property* mereka. Terima kasih.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak maklumkan dalam Dewan ini, akta ini sangat penting. Saya boleh berkongsi maklumat. Misalnya kita ambil contoh, pakar kulat, Dr. Gary Strobel yang telah mengumpulkan bahan-bahan dari hutan Malaysia tanpa pengetahuan dan juga persetujuan kita. Permohonan paten untuk rawatan pokok kelapa sawit yang dijangkiti *ganoderma* telah dilakukan oleh pihak luar. Apabila kita menghubungi, Dr. Gary menghindari sumber dan menyebut bahawa beliau mendapat sumber ini dari

Kalimantan, Borneo. Perkara-perkara inilah mahu kita lindungi supaya pihak-pihak luar tidak dengan mudah mengambil hak negara kita.

Namun demikian, saya mengakui bahawa akta ini belum dikuatkuasakan sepenuhnya dan ia dijangka akan dikuatkuasakan Disember ini. Sehingga kini, kita telah pun mempersiapkan perkara-perkara penting, misalnya soal penubuhan jawatankuasa, penubuhan *National Competent Authority* dan perkara-perkara berkaitan. Kita sedang menyiapkan perkara-perkara berkaitan, misalnya peraturan-peraturan yang berkaitan dengan Akta 795, contohnya berkaitan dengan peranan pihak berkuasa tempatan dan negeri dan sebagainya. Juga berhubung dengan isu-isu berkaitan dengan kompaun-kompaun atau denda-denda yang perlu kita kenakan kepada pihak yang melanggar akta ini.

Untuk tujuan tersebut, kementerian sedang membangunkan portal MyABS yang akan dilancarkan tidak lama lagi. Jika ia telah selesai sepenuhnya, kita jangkakan ia akan dilaksanakan selewat-lewatnya Disember ini. Saya percaya, dengan adanya akta ini, kita dapat mengawal dan menjaga kepentingan masyarakat peribumi khususnya dan juga kepentingan negara dalam soal biologi. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan kedua, Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Jerlun ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Bukan Yang Berhormat Jelebu lah, Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Jerlun?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Bila saya sebut Yang Berhormat Jelebu?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Oh, saya dengar Jelebu.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Jerlun.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya dengar Jelebu, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Jelebu soalan Nombor 9, bukan? Itu kalau sempat. Yang Berhormat Jerlun.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jerlun atau Jelebu, Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jerlun.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ha, okey, okey.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Jauh itu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya dengar macam Jelebu. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jangan marah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Tidak marah.

Sabar. Sekejap lagi soalan naik ya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ya, ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz Tun Dr. Mahathir [Jerlun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Seperti mana yang kita sedia maklum, biodiversiti di Malaysia ini antara yang terbesar dan paling tinggi nilainya di peringkat antarabangsa. Maka, sudah tentu banyak institusi penyelidikan dari luar negara termasuk agensi-agensi di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang sangat berminat untuk menjalankan aktiviti penyelidikan di kawasan-kawasan hutan di mana wujudnya biodiversiti ini.

Apakah kaedah dan pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa bila institusi penyelidikan luar ini membuat aktiviti mereka di dalam kawasan kita ini, mereka haruslah bekerjasama dengan universiti-universiti tempatan supaya pendapatan mereka itu dapat dikongsi bersama dengan negara kita?

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Jerlun. Oleh sebab kita tahu bahawa biodiversiti negara ini tinggi nilainya, maka usaha untuk mengawal bagi memastikan ia tidak diambil oleh pihak luar mesti kita lakukan melalui penggubalan akta ini. Untuk ketika ini, mana-mana kajian yang hendak dilakukan oleh institusi luar, universiti luar dan sebagainya, yang hari ini ia melalui Unit Perancang Ekonomi (EPU) dan EPU akan channel-kan kepada pihak yang berkaitan.

Namun, setelah akta ini diguna pakai sepenuhnya, kita bangunkan apa yang kita panggil MyABS. Melalui MyABS inilah, pihak-pihak sama ada penyelidik, industri dan sebagainya dalam atau luar negara, yang ingin terlibat untuk buat kajian atau mengkomersialkan apa juga sumber biodiversiti negara melalui sistem ini. Kita akan bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri kerana hak biodiversiti ini biasanya adalah milik kerajaan negeri.

Apa yang pentingnya saya hendak maklumkan kepada Dewan, bahawa apa yang kerajaan lakukan ini ialah untuk mengkomersialkan kerana mengikut nilai yang disebut oleh badan antarabangsa, nilai keseluruhan termasuk dalam negara ini untuk

biodiversiti lebih daripada sejumlah USD2 trilion. Jika ia dibangunkan dengan begitu baik dan teliti, ia boleh menjadikan sumber pendapatan baharu kepada negara dan kepada pemain industri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**9. Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]** minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan apakah perancangan yang dirangka oleh pihak kementerian bagi melahirkan lebih ramai golongan profesional di kalangan masyarakat Orang Asli.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat Jelebu.

*Air cincau air tebu,*

*Soalan bagus daripada Yang Berhormat Jelebu.*

**■1120**

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited bagi melahirkan masyarakat Orang Asli yang mempunyai pencapaian pendidikan dan kemahiran arus perdana berdasarkan kepada Pelan Strategik JAKOA dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Pendekatan JAKOA adalah melalui lima program. Pertama, program memfokuskan kepada Program Pendidikan Awal Kanak-kanak melalui KEMAS. Program kedua, fokus kepada program kecemerlangan pendidikan dengan kerjasama Kementerian Pendidikan dan juga Kementerian Pengajian Tinggi melalui program ketiga, Fokus Jejak Siswa.

Program keempat adalah fokus Program Pembangunan Minda Insan dan program kelima Program Latihan Kemahiran Kerjaya (PLKK) dengan kerjasama Kementerian Belia, Kementerian Sumber Manusia dan serta agensi di bawah KPLB iaitu MARA dan juga institusi-institusi kemahiran di bawah agensi KPLB. Sebagai contoh, saya bagikan sedikit statistik. Dalam sektor awam pada tahun 2010, seramai 1,416 orang profesional dikenal pasti. Manakala tahun 2020, peningkatan sebanyak dekat 60 peratus yang melibatkan 3,420 orang Orang Asli yang dalam kategori profesional. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Soalan tambahan pertama, silakan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniah Yang Berhormat Menteri, saya tengok perkembangan dan juga kekuatan Orang Asli di bawah Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk rekod pada 22 April 2019 telah berlangsung satu Konvensyen Orang Asli yang mana sebanyak 136 resolusi telah dipersetujui mengikut 7 fokus tema yang ditetapkan ketika itu. Dan juga pada bulan Mac 2019

Yang Berhormat Menteri Pendidikan, Tuan Yang di-Pertua ada menyebut bahawa Kementerian Pendidikan menyediakan laluan khas kepada empat golongan, salah satu golongan itu adalah masyarakat Orang Asli.

Soalan saya untuk kepentingan masyarakat Orang Asli kawasan Parlimen Jelebu dan kawasan Parlimen yang lain, yang saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri ialah sejauh manakah pihak kementerian Tuan Yang di-Pertua, yang telah mengambil tindakan terhadap 136 resolusi yang dipersetujui dalam konvensyen dalam tahun 2019 itu. Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak kementerian mempunyai data jumlah terkini Orang Asli yang melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dan adakah berlaku peningkatan jumlah yang ketara dalam tempoh lima tahun yang terakhir ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Jelebu. Kejayaan ini sebenarnya bukan kejayaan saya. Saya baru ambil alih ini baru tujuh bulan. Sebelum ini Kementerian JAKOA ini di bawah pimpinan Yang Berhormat Langkawi, diletakkan khusus di bawah Jabatan Perdana Menteri. Kemudian, sebelum itu Yang Berhormat Semporna dan Yang Berhormat Bera menjaga kepentingan Orang Asli. Kita amat peka mengenai apa juga resolusi yang dibentangkan pada tahun 2019. Perkara-perkara ini kita akan ambil maklum dan sebenarnya telah disusun atur dalam pendekatan akan datang dalam Rancangan Malaysia Keduabelas. Sekian, terima kasih.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Kulai.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Hang Tuah Jaya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Yang Berhormat Kulai, silakan.

**Puan Teo Nie Ching [Kulai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa walaupun usaha-usaha yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri tetapi tidak kita nafikan bahawa kalau ikut penarafan pembestarian sekolah SSQS yang dilaksanakan pada tahun 2019, 27 buah sekolah Orang Asli hanya lapan buah yang ada empat bintang ke atas. Maksudnya hanya 30 peratus yang mendapat empat bintang ke atas berbanding dengan keseluruhan kita ada 47 peratus sekolah yang dapat empat bintang ke atas.

Jadi, ini adalah satu isu yang saya rasa perlu diberi keutamaan. Jadi saya hendak tanya sama ada kementerian berhasrat bolehlah ada rancangan dengan

KPM supaya kita mendirikan lebih banyak *hostel*, lebih banyak asrama untuk murid-murid Orang Asli ini supaya mereka bolehlah sambung pelajaran untuk melahirkan golongan profesional. Saya rasa ini adalah sangat penting kerana isu keciran Orang Asli adalah sangat tinggi.

Pada tahun 2018 ke transisi kepada 2019, 725 Orang-orang Asli tercicir oleh sebab isu asrama mereka. Jadi saya haraplah bahawa Kementerian di bawah pimpinan Yang Berhormat Datuk bolehlah bekerjasama dengan KPM untuk wujudkan asrama khususnya untuk murid-murid Orang Asli. Terima kasih.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Kulai. Lama dalam Kementerian Pelajaran Pendidikan, cadangan itu amat baik dan sebenarnya memang kita sudah berinteraksi dan melakukan *networking* dengan kementerian. Kita sedar bahawa keciran di kalangan Orang-orang Asli, khususnya di kawasan pedalaman amat ketara. Oleh sebab itu, antara program dan fokus yang kita tekankan adalah *character building*, sebagai contoh, pentingnya pendidikan awal kanak-kanak. Oleh sebab itu melalui KEMAS kita hendak wujudkan kesedaran dulu supaya bila sedar mengenai pendidikan dan kemahiran, kita akan sambung mereka ini dapat *exposure* di sekolah-sekolah kebangsaan melalui kerjasama yang intim di antara Jabatan Kemajuan Orang Asli dan Kementerian Pendidikan. Terima kasih.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu lagi soalan Hang Tuah Jaya? Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Boleh Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Hang Tuah Jaya hendak bercakap?

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Boleh.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan Yang Berhormat soalan ketiga.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Haji Mohd Akin [Hang Tuah Jaya]:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Ya Yang Berhormat Menteri, saya percaya matlamat soalan yang ditanya oleh Yang Berhormat Jelebu ini adalah khusus berkaitan dengan memastikan peningkatan taraf hidup masyarakat Orang Asli. Dalam hal ini ialah untuk memastikan penjanaan pendapatan yang stabil. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah di sana terdapat strategi khusus kementerian untuk memastikan bahawa aspek keusahawanan di kalangan Orang Asli di perkasa. Apakah wujud kerjasama strategik misalnya di Mersing sebab Yang Berhormat sendiri ada pembangunan kelah yang boleh kita bangunkan secara bersama dengan Orang Asli. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Silakan.

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Hang Tuah Jaya, sahabat saya dia sudah jelajah kawasan saya, mungkin dia hendak bertanding dekat Mersing pula [*Ketawa*]. Apa pun cadangan, sebenarnya kita tidak asingkan Orang Asli. Apa juga program di bawah KPLB, waima mengenai pembangunan usahawan, kita libatkan sekali. Sebagai contoh di banyak - Orang Asli terlibat dalam pembangunan tanah khususnya dengan RISDA. Di bawah RISDA kita ada program meningkatkan ekonomi tambahan yang mana kita bagi sehingga 20,000 dalam bentuk barang dan geran bergantung pada kemahiran dan kemampuan Orang Asli itu sendiri.

Jadi program-program keusahawanan ini kita bangunkan bersama dengan bukan juga Orang Asli dan memang kita bagi *special lane* untuk Orang Asli menambah pendapatan mereka dan mereka tidak akan tersisih daripada arus pembangunan perdana. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Sri Azalina Othman Said]:** Saya menjemput Yang Berhormat Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) mempergerusikan Mesyuarat]*

■1130

**10. Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]** minta Menteri Kewangan menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan Insurans Kesihatan atau Kad Kesihatan kepada seluruh rakyat bagi kes penyakit serius atau pembedahan. Ini bertujuan memberi pilihan kepada pesakit bagi mendapatkan rawatan di hospital swasta terutama melibatkan kes kecemasan.

**Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Abd Rahim bin Bakri]:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju atas soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini, kerajaan belum bercadang untuk melaksanakan program insurans kesihatan atau *national health insurance* merangkumi semua rakyat. Untuk rekod, Malaysia adalah di antara negara di dunia yang mampu memberi perkhidmatan kesihatan percuma yang komprehensif kepada rakyat. Ini adalah sesuatu yang sangat kita banggakan. Peruntukan yang disediakan bagi maksud penyediaan kesihatan misalnya pada tahun ini ialah sebanyak RM30.6 bilion.

Walau bagaimanapun, setakat ini kerajaan telah memperkenalkan beberapa inisiatif baharu bagi menambah baik faedah kesihatan kepada rakyat iaitu melalui

skim mySalam yang memberi perlindungan takaful kepada penerima Bantuan Sara Hidup berumur 18 tahun hingga 65 tahun bagi 45 penyakit kritikal atau *critical illness* iaitu faedah perlindungan mySalam seperti berikut:

- (i) pembayaran tunai RM8,000 sekali seumur hidup setelah disahkan menghidap salah satu 45 penyakit kritikal yang disahkan oleh doktor hospital kerajaan, tentera dan universiti;
- (ii) pembayaran hospitalisasi RM50 sehari bagi tempoh 14 hari dengan jumlah maksimum RM700 di hospital kerajaan, hospital tentera dan hospital universiti termasuk rawatan COVID-19.

Kerajaan juga memperkenalkan skim PeKa B40 atau skim PEDULI SIHAT untuk B40 di bawah Kementerian Kesihatan iaitu bantuan seperti berikut:

- (i) bantuan kewangan secara automatik kepada kumpulan B40 atau penerima Bantuan Sara Hidup berumur 40 tahun ke atas dan bantuan ini adalah dalam bentuk kos peralatan perubatan maksimum RM20,000;
- (ii) tambang pengangkutan berjumlah maksimum RM1,000 bagi penerima di Sabah dan Sarawak dan RM500 bagi Semenanjung Malaysia.

Kesemua faedah skim PeKa B40 boleh diperoleh daripada kaunter khas di setiap hospital kerajaan dan klinik terpilih. Sekian, terima kasih Yang Berhormat.

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju]:** Tuan Yang di-Pertua, skim insurans kesihatan seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri, mySalam memberi perlindungan buat B40, hanya kepada mereka yang berumur 18 tahun hingga 56 tahun, sama seperti pencarum SOCSO di mana mereka tidak lagi diberi perlindungan kesihatan selepas bersara pada usia 55 tahun ke atas. Ini bermakna orang yang berumur 55 tahun atau ke atas tiada langsung perlindungan kesihatan atau menerima bantuan kerajaan walaupun mereka terdiri daripada golongan B40 atau pekerja buruh sebelum bersara. Adakah warga emas ini tidak akan jatuh sakit sedangkan warga emas lebih cenderung menerima penyakit kronik. Jadi soalan saya, apakah langkah-langkah kerajaan diambil untuk membantu golongan ini? Terima kasih.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Saya ingin membuat sedikit pembetulan di atas soalan Yang Berhormat. Sebenarnya seperti mana yang saya jawab tadi, perlindungan mySalam ini adalah diberikan kepada maksimum 65 tahun, bukan 56 tahun seperti mana Yang Berhormat

sebutkan tadi. Seperti mana yang saya ingin ingatkan kepada Yang Berhormat, berdasarkan kepada prinsip *universal health coverage*, kerajaan memang berusaha untuk memastikan bahawa semua golongan rakyat mendapat akses perkhidmatan kesihatan berkualiti dan tanpa terdedah kepada kesulitan kewangan. Ini adalah merupakan inisiatif kerajaan. Itu sebabnya kita setakat ini kita tidak memperkenalkan *national health insurance* kerana di Malaysia, kita *enjoy* atau pun dapat menikmati perkhidmatan kesihatan percuma di negara ini. Ini adalah sesuatu yang amat membanggakan kita. Terima kasih.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, memang saya telah mendengar bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang mampu memberi perkhidmatan percuma kepada masyarakat dia. Akan tetapi, perkembangan hari ini juga kita melihat bagaimana serangan penyakit demi penyakit dan hospital kita telah *overloaded*, orang telah berbaris bermacam-macam. Jadi mungkin ekoran perkembangan semasa ini, kementerian dan kerajaan perlu mempertimbangkan insurans kesihatan untuk masyarakat. Ini kerana insurans kesihatan ini telah diamalkan oleh negara-negara maju dan negara membangun sebab mereka memberi peluang yang baharu kepada pesakit-pesakit bukan sahaja di hospital kerajaan, tetapi di hospital swasta. Terima kasih.

**Datuk Abd Rahim bin Bakri:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Tahniah kerana telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Menteri Sabah, seorang yang memang berkebolehan. *[Tepuk]*

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti mana yang saya jelaskan tadi bahawa berdasarkan kepada prinsip *universal health coverage* ini, kita ingin memastikan bahawa semua rakyat mendapat perkhidmatan yang berkualiti dan sempurna. Akan tetapi, apabila ada cadangan-cadangan berkaitan dengan pelaksanaan *national health insurance* ini, kerajaan harus berhati-hati untuk melaksanakannya untuk memastikan bahawa dalam pelaksanaannya tidak ada pihak yang terpinggir. Ini kerana kajian harus dibuat melihat kepada opsyen-opsyen dengan teliti untuk memastikan ia tidak membebankan rakyat seperti mana yang pernah dilakukan oleh beberapa kesilapan-kesilapan yang telah dilakukan oleh negara-negara lain khususnya negara-negara maju. Apabila mereka melaksanakan *national health insurance*, ia menjadikan kos pelaksanaan ataupun perkhidmatan kesihatan menjadi begitu mahal dan ini ialah sesuatu yang kita elakkan kerana yang penting sekali ialah kita harus memastikan rakyat mendapat perkhidmatan yang meluas dan ini telah dibuktikan. Apabila berlakunya COVID-19, telah diuji bahawa

perkhidmatan kesihatan kita memang antara yang terbaik di dunia. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya rasa soalan-soalan Jawab Lisan telah pun tamat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang tamatlah sesi untuk waktu Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan pada hari ini. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]**

### **RANG UNDANG-UNDANG**

#### **RANG UNDANG-UNDANG KOPERASI (PINDAAN) 2020**

##### **Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". **[3 November 2020]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ada senarai empat orang sahaja lagi Ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Kangar, Yang Berhormat Selayang dan Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau untuk menyambung perbahasan lima minit. **[Disampuk]** Yang Berhormat Tebrau tidak ada dalam Dewan? Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kangar.

#### **11.39 pg.**

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* **[Membaca sepotong doa]** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas ruang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Koperasi (Pindaan) 2020. Saya pada hari Isnin lalu meneliti usul yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri daripada maklum balas konsultasi daripada kementerian sejak tahun 2018, jadi saya fikir saya tidak ada masalah untuk menyokong usul yang dikemukakan kerana kebetulan saya juga pernah terlibat dalam salah satu daripada sesi konsultasi ini pada tahun 2019 yang mana Yang Berhormat Menteri telah mengemukakan beberapa maklum balas yang diterima oleh pihak kementerian.

Apa yang saya ingat dalam salah satu mesyuarat yang saya hadiri itu ada permintaan daripada kawan-kawan yang menjadi penggerak koperasi supaya koperasi juga dapat terlibat dalam memasuki sebut harga atau pun tender-tender kerajaan.

■1140

Jadi saya mengambil bahagian pada hari ini untuk menyentuh sedikit perkara tentang apa yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. Pertamanya, Yang Berhormat Menteri mengemukakan empat tujuan mengapa rang undang-undang ini mahu dipinda. Saya fikir daripada segi masa memang ada keperluan, daripada segi keperluan untuk meningkatkan kawal selia itu sentiasa wujud apabila, orang kata dunia berkembang jadi ada perkara-perkara baharu yang sampai.

Cuma saya minta Yang Berhormat Menteri dapat jelaskan dalam tujuan ketiga dan keempat iaitu memastikan sektor koperasi kekal relevan dengan perkembangan ekonomi semasa dan juga sebagai pemudah cara kepada gerakan koperasi untuk terlibat dalam bidang perniagaan ini kerana ia tidak jelas dalam pindaan-pindaan yang dibuat. Bagaimanakah pindaan-pindaan yang dibuat ini boleh mencapai tujuan yang dinyatakan dalam perkara 3 dan 4 ini. Oleh sebab saya ingat kalau betullah daripada apa yang pernah saya hadir itu bahawa koperasi berhasrat untuk terlibat dalam memasuki sebut harga dan tender kerajaan.

Jadi saya bimbang kerana Bapa Koperasi Malaysia inilah, bagi saya ialah Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz pernah ketika dia mengemukakan rancangan untuk menubuhkan koperasi kebangsaan dulu, sebelum beliau mengemukakan idea tersebut beliau telah terlibat dalam kajian kemiskinan di pantai timur pada waktu itu yang mana beliau menceritakan antara masalah golongan orang miskin Melayu yang kebanyakannya di pantai timur ini ialah kerana wujudnya monopoli dan monopsoni. Jadi saya bimbang kalau koperasi hanya bercita-cita untuk masuk ke dalam kata sebut harga dan juga tender kerajaan ini jadi ia sebenarnya akan terdedah kepada monopsoni yang lebih besar kerana ia bergantung kepada satu pembelilah iaitu kliennya iaitu kerajaan.

Kalau kita tengok daripada segi data-data yang juga dikongsi oleh Yang Berhormat Menteri memang koperasi ini ia ada banyak – duit banyak, ada aset banyak. Cuma kalau kita tengok betul-betul daripada segi fungsi koperasi ini, kita tengok daripada segi fungsi kewangan sahaja yang sebenarnya menguasai seluruh sektor. Jadi banyak sektor-sektor koperasi daripada fungsi koperasi yang lain misalnya dalam perladangan, perkhidmatan, pengguna, pengangkutan,

perindustrian dan pembinaan ini masih lagi kecil berbanding dengan dua sektor iaitu kewangan dan juga kredit.

Kalau kita tengok sektor kewangan, ia hanya ada dua koperasi sahajalah yang kita sebut semalam dalam perbahasan, Bank Rakyat adalah orang kata koperasi terbesar yang paling berjaya, yang mana sektor kewangan dua ini sahaja *turnover* dia lebih daripada 72 peratus. Kalau kita ambil dengan fungsi koperasi dalam bidang kredit yang dicampurkan dengan kewangan maka pulangan koperasi ini 87 peratus datang daripada kedua-dua ini. Jadi itu bermaksud koperasi-koperasi yang lain ini masih dalam peringkat kecillah, ia tidak cukup untuk berkembang dan apakah usaha kementerian untuk mengembangkan, untuk *consolidated* supaya koperasi-koperasi yang kecil ini dapat berfungsi dengan lebih baik.

Seterusnya dalam fungsi koperasi ini dinyatakan perumahan yang koperasi buat boleh mengurangkan harga rumah 20 hingga 30 peratus. Ini dinyatakan dalam lawan web Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Jadi mungkin pihak kementerian boleh berunding dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga KPLB yang banyak juga buat projek perumahan untuk melibat bagaimanakah koperasi boleh menawarkan rumah yang lebih murah daripada harga pasaran yang lain. Ini kerana banyak kali kita bercakap tentang isu perumahan, kita selalu rasa bermasalah untuk mengurangkan harga rumah tetapi kalau koperasi boleh melaksanakannya kenapa tidak kita mengembangkan lagi kemampuan ini dalam kementerian yang lain.

Saya juga hendak bertanya beberapa perkara kerana Ungku Aziz, walaupun beliau Bapa Koperasi, beliau juga pernah mengadu tentang isu kawal selialah kerana beliau mendakwa pernah berlaku penyelewengan. Jadi kalau koperasi terlibat dalam bidang perniagaan ini, bagaimanakah tentang misalnya kebijakan pekerja, adakah pekerja-pekerja koperasi ini termasuk dalam Akta Pekerjaan? Bagaimanakah mereka punya kebijakan sama ada dari segi caruman, caruman untuk pekerja yang bila dia terlibat dalam *business* dan bagaimanakah daripada segi aspek percukaian dan sebagainya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat masa telah tamat, minta rumuskan Yang Berhormat.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ya, saya hendak rumuskan. Lagi satu saya hendak tanya juga tentang tadi saya sebut, sikit saya juga hendak sentuh tentang *money laundering*. Saya juga hendak bertanya ada satu perkara, sekejap. Okey, tentang aset dan juga syer bagi koperasi yang dorman dan juga tidak aktif. Jadi saya tengok dekat sini jumlah ia banyak juga, jadi bagaimanakah aset dan juga bagi koperasi yang dorman dan tidak aktif ini dapat kita aktifkan ataupun sekurang-

kurangnya kalau koperasi tidak mahu aktif lagi kita boleh pindahkan jadikan ia satu pelaburan ke dalam koperasi-koperasi lain yang lebih aktif misalnya Bank Rakyat supaya aset ini tidaklah menjadi satu *debt capital* ataupun modal mati.

Ini kerana fungsi koperasi ini sangat besar dan saya setuju dengan pindaan yang dibuat dan saya berharap kementerian akan meneliti lebih lanjut supaya koperasi ini dapat kita gerakkan dan jadi penyumbang positif kepada ekonomi negara. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usul yang dikemukakan. Assalamualaikum.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Selayang, kemudian Yang Berhormat Padang Serai dan ada satu tambahan Yang Berhormat Batu Gajah, kemudian. Silakan Yang Berhormat Selayang.

#### 11.46 pg.

**Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]:** Saya ucapkan terima kasih kerana diberikan peluang untuk membahaskan rang undang-undang D.R.11/2020, suatu akta untuk meminda Akta Koperasi 1993. Memang gerakan koperasi menjadi wadah untuk membantu rakyat memperbaiki dan meningkatkan taraf hidup melalui aktiviti berkumpulan. Pembabitan anggota dalam aktiviti koperasi mampu meningkatkan pendapatan mereka sekali gus menjana pendapatan negara. Kesedaran tentang manfaat berkoperasi ini perlu disebarluaskan untuk menarik minat rakyat menyertai atau menubuhkan koperasi. Oleh yang demikian, saya mengalu-alukan menyokong dan bersetuju dengan pindaan yang dicadangkan dalam RUU ini.

Adalah jelas tujuan pindaan adalah untuk memudahkan penubuhan koperasi dengan mengurangkan bilangan orang yang perlu untuk membuat permohonan menjadi anggota lembaga koperasi dan menandatangani minit mesyuarat permulaan. Akan tetapi gerakan koperasi masih menghadapi banyak cabaran. Antara masalah adalah seperti keanggotaan, kewangan, kepimpinan dan pengurusan koperasi. Begitu juga masalah yang telah dibangkitkan selama ini, cabaran-cabaran adalah antaranya operasi saiz kecil, budaya keusahawanan yang rendah, kurang pemahaman tentang koperasi dan kekurangan pengurusan profesional. Akan tetapi pada pandangan saya yang penting sekali ialah kekurangan keyakinan dalam koperasi.

Persoalan utama untuk menangani cabaran-cabaran ini adalah anggota yang kurang keyakinan terhadap koperasi mereka sendiri, kurang yakin dengan ahli

lembaga koperasi yang mentadbir koperasi dan aktiviti perniagaan yang diceburi oleh koperasi. Masalah ini telah dilaporkan di dalam beberapa laporan Dasar Koperasi Negara. Antaranya ialah Dasar Koperasi Negara di bawah Teras Strategik Keempat, untuk meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap gerakan koperasi. Saya meminta Yang Berhormat Menteri untuk memberikan maklumat tentang status dan kecapaian Teras Strategik Keempat ini.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah koperasi gabungan atau koperasi persekutuan. Koperasi merupakan satu model keusahawanan sosial yang tidak menjadikan keuntungan sebagai matlamat utama sebaliknya memberi manfaat dan kesejahteraan kepada anggota dan masyarakat. Ini dilihat dengan pertumbuhan koperasi seluruh dunia. Hampir satu bilion penduduk sudah mendapat manfaat daripada aktiviti koperasi termasuk mampu menyediakan peluang pekerjaan. Gerakan koperasi di Malaysia telah bermula dari 1922 dan pada masa ini jumlah koperasi mencecah 14,237 koperasi melibatkan 6.5 juta ahli dan ada lebih 3,000 koperasi runcit di seluruh negara.

#### ■1150

Jikalau koperasi boleh bergabung dan menceburi bidang baharu dan perkembangan aktiviti sedia ada, koperasi boleh menguasai pasaran yang lebih luas. Saya cadangkan kementerian dan SKM memberikan tumpuan kepada menggalakkan penubuhan koperasi gabungan kerana ia berfaedah untuk koperasi membentuk persekutuan koperasi di mana semua ahli adalah juga koperasi.

Sebelum ini, Kerajaan Pakatan Harapan telah melaksanakan inisiatif Program Pembekalan Barang Asas 100 dan juga telah mengadakan sebuah koperasi yang dipanggil Gabungan Angkatan Koperasi Borong dan Runcit (AKRAB). Ini ialah menggunakan koperasi *linkages* yang akan membolehkan koperasi menguasai keseluruhan rantai [Tidak jelas] yang efektif. Saya meminta maklumat tentang AKRAB dan Program Pembekalan Barang Asas 100.

Ketiga dan terakhir, saya telah minta Yang Berhormat Menteri untuk menggunakan gerakan koperasi untuk membantu rakyat dan penduduk yang menghadapi wabak COVID-19. Ini adalah kerana, koperasi mengetahui yang terbaik sekali tentang masalah tempatan dan daripada akar umbi. Dengan izin, *the cooperative can help the government cope with the crisis with concrete bottom-up solutions. Social economic actors are expert of what works and what doesn't at the grass root level and they're driven to improve the social economic systems for the better.*

Dengan ini, kerajaan boleh mengetahui dengan lebih baik apa tindakan yang boleh digunakan dan dipakai daripada akar umbi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Selayang.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mohon untuk masukkan nama saya semula. Semalam saya sepatutnya giliran sebelum Yang Berhormat Ledang...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Akan tetapi, saya tidak dipanggil tetapi Yang Berhormat Ledang dipanggil...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik Yang Berhormat.

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Tadi saya ada Kamar Khas, saya minta saya dimasukkan untuk berbahas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih Yang Berhormat Tebrau. Saya bagi laluan. Selepas dua Ahli Yang Berhormat, saya masukkan nama Yang Berhormat Tebrau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Padang Serai, lima minit.

### 11.52 pg.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi peluang kepada Padang Serai. Saya setuju dengan kenyataan Yang Berhormat Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi bahawa pindaan ini akan memudahkan orang ramai dalam menubuhkan koperasi dan pada masa yang sama akan memudahkan pentadbiran sesuatu koperasi. Jelas di sini, pindaan ini akan menjadikan organisasi koperasi lebih efektif dan dapat menggunakan setiap ahli anggota dengan lebih efisien.

Rakan-rakan di dalam Dewan ini perlu sedar tentang kepentingan koperasi dalam membantu memulihkan ekonomi domestik. Secara umumnya, definisi koperasi adalah satu kumpulan disatukan secara sukarela untuk memenuhi keperluan anggota terutama daripada sudut ekonomi, sosial dan budaya dan berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993. Rasa tidak perlu untuk saya terangkan secara terperinci. Bagaimanapun ahli koperasi mendapat peluang kerana ia menjadi kuliah mengenai koperasi pula.

Apa imej yang saya ingin tekankan adalah dengan memudahkan proses pendaftaran koperasi akan memberi kebaikan dan manfaat secara berterusan

kepada rakyat terutama dalam memulihkan ekonomi mereka disebabkan pandemik. Saya juga mencadangkan – kerana koperasi tidak akan maju tanpa bantuan kerajaan. Oleh itu, saya berharap kerajaan akan memberi peluang mendapatkan kontrak-kontrak daripada kerajaan seperti mesin rumput, dobi di kesihatan dan lain-lain lagi.

Kita mesti difahamkan bahawa dengan perkukuhkan koperasi dalam masyarakat akan membina satu rantai ekonomi yang kukuh dan akhirnya akan membantu negara dalam memulihkan ekonomi negara disebabkan oleh pandemik ini. Berdasarkan fasal 9 jelas menyatakan, akan meminda seksyen 50 [Akta 502] untuk memperuntukkan bahawa kumpulan wang sesuatu koperasi boleh didapatkan melalui pinjaman mana-mana institusi kewangan berlesen dan koperasi yang tertentu oleh suruhanjaya.

Saya menyokong pindaan ini, tetapi pada masa yang sama saya juga ingin menyatakan kepada pihak kerajaan, apakah langkah kerajaan dalam membantu koperasi yang terjelas, terutama yang menyediakan barang komuniti? Ramai meluahkan keluhan yang mana barang dagangan mereka telah rosak kerana tiada pembelian yang berlaku terutama sejak pandemik melanda di negara ini.

Ini penting untuk diperhatikan oleh Yang Berhormat Menteri kerana kebanyakan mereka ini tergolong dalam kalangan B40 dan juga M40. Saya percaya kehidupan mereka begitu tersepit dengan kerugian yang dihadapi. Pada masa yang sama juga rantai ekonomi mereka yang begitu terhad dan tidak strategik.

Selain merentas negeri untuk urusan politik, apa kata Kabinet berusaha untuk berjumpa dengan rakyat kebanyakan menenangkan keadaan mereka terutama berkaitan harapan mereka kepada kerajaan dalam membantu mereka untuk bangkit kembali. Itu sudah pasti akan membantu rakyat.

Tertarik untuk saya berbahas mengenai fasal 10 yang mana menyatakan akan meminda subseksyen 72(1) [Akta 502] dengan memperuntukkan bahawa suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran koperasi jika bilangan anggotanya telah berkurang sehingga seramai lima orang. Sebelum ini suruhanjaya boleh membatalkan pendaftaran koperasi jika bilangan anggota telah kekurangan sehingga kurang seramai 15 orang. Saya ingin menyarankan kepada pihak kementerian, apakah usaha untuk membatalkan atau mengesankan koperasi yang terlibat dalam pelbagai masalah khususnya mengenai kewangan.

Suka untuk saya ingatkan bahawa penyelewengan adalah musuh negara dan racun kepada masyarakat. Jelas di sini bahawa, selain kita fokus dalam

memudahkan proses pendaftaran koperasi dalam membantu rakyat khususnya dalam era ekonomi pasca pandemik.

Pihak kementerian juga perlu mewujudkan sebuah pelan yang konklusif dalam memastikan isu penyelewengan dalam koperasi dapat ditangani secara konklusif. Kita mesti pastikan bahawa *[Tidak jelas]* seperti koperasi yang mampu mengambil kuasa beli rakyat menjaga dengan sebaik mungkin.

Oleh itu, masa tidak cukup, saya akhiri dengan sebuah pantun;

*Seradang kain bentang buruk di sawah,*

*Pukat lama sama dibawa untuk berlayar,*

*Orang lain yang berhutang untuk bermewah,*

*Rakyat pula derita untuk membayar.*

Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Batu Gajah, lima minit.

### 11.58 pg.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi ruangan kepada Batu Gajah untuk turut membahaskan pindaan Akta Koperasi 1993.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin tahu apakah niat sebenar untuk kita meminda Akta Koperasi 1993? Saya melihat pindaan-pindaan yang dibuat adalah untuk memudahkan pembukaan lebih banyak koperasi baharu dan mengekalkan koperasi-koperasi yang sedang beroperasi.

Saya difahamkan bahawa banyak koperasi yang sedia ada mengalami masalah dan sukar untuk Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) menangani masalah-masalah yang dihadapi. Bagaimanakah SKM akan menangani lebih banyak masalah jika banyak lagi koperasi baharu yang ditubuhkan? Apakah strategi SKM untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan SKM itu sendiri?

Di sini saya ingin mengemukakan beberapa soalan yang relevan dengan tajuk perbahasan hari ini. Pertama, berapakah jumlah koperasi yang wujud di negara kita iaitu koperasi asas, koperasi menengah dan koperasi atasan? Kedua, berapakah jumlah ahli-ahli koperasi di seluruh negara? Adakah apa-apa kajian telah dilaksanakan untuk mengetahui tahap kepuasan yang dicapai oleh ahli-ahli koperasi? Ketiga, bagaimanakah perkembangan koperasi di Sabah dan Sarawak jika dibandingkan dengan Semenanjung Malaysia?

**■1200**

Keempat, saya juga ingin tahu bilangan koperasi mengikut negeri dalam sektor ekonomi. Kelima, berapakah jumlah aset yang dimiliki oleh koperasi di negara kita jika dibandingkan dengan 10 tahun yang lalu? Apakah faktor-faktor yang menggalakkan peningkatan dalam aset koperasi? Apakah sasaran kerajaan daripada segi peningkatan aset milik koperasi dalam tempoh lima tahun dan 10 tahun akan datang?

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya yang keenam, saya juga ingin mengetahui jumlah kes pecah amanah yang melibatkan koperasi dalam tempoh 10 tahun. Apakah mekanisme yang diguna pakai oleh SKM untuk mengurangkan amalan pecah amanah selain daripada undang-undang yang sedia ada? Amalan pecah amanah akan merugikan ahli-ahli koperasi. Oleh yang demikian, kerajaan harus memberikan perhatian yang serius dalam isu pecah amanah dalam koperasi.

Ketujuh, berapakah jumlah koperasi yang berada dalam keadaan dorman dan ketidakmampuan membayar? Apakah usaha kerajaan untuk memulihkan koperasi-koperasi dorman supaya ahli-ahlinya tidak diabaikan? Kelapan, berapakah jumlah koperasi yang menghadapi masalah telah diselamatkan oleh kerajaan?

Berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan oleh kerajaan dalam usaha menyelamatkan koperasi-koperasi yang menghadapi masalah kewangan yang teruk? Kesembilan, sekarang dalam keadaan ekonomi yang lembap, bagaimanakah koperasi-koperasi yang terjejas akan dibantu oleh kerajaan? Kejatuhan pasaran saham juga akan memberi impak yang besar terhadap hasil yang diperoleh oleh koperasi-koperasi tersebut.

Kesepuluh, apakah strategi kerajaan untuk mengembangkan koperasi kepada skala yang lebih besar dan mempelbagaikan sektor yang diceburi? Selain daripada itu, apakah langkah-langkah kerajaan untuk memodenkan konsep koperasi skala kepelbagaian dan memodenkan koperasi sudah pasti akan meningkatkan hasil dan kecemerlangan koperasi.

Kesebelas, adakah kerajaan melakukan apa-apa tinjauan atau kajian untuk mengenal pasti penglibatan golongan belia dalam koperasi selain daripada koperasi sekolah? Apakah usaha-usaha atau galakan kerajaan kepada anak-anak muda menceburi secara aktif dalam koperasi?

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit mengenai ANGKASA. Harap Yang Berhormat Menteri boleh memberi maklum balas secara telus. Saya difahamkan ramai daripada kalangan ahli ANGKASA mendapat pinjaman melebihi had maksimum 60 peratus potongan ke atas pendapatan mereka, adakah

ini benar? Jika benar, apakah tindakan kerajaan dalam menyelesaikan masalah ini? Potongan 60 peratus daripada gaji mereka adalah terlalu tinggi dan perlu dikaji semula untuk kepentingan dan masa hadapan ahli-ahli. Adakah kerajaan berhasrat mengekalkan monopoli ANGKASA?

Akhir sekali, saya difahamkan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah mengagihkan dana sejumlah RM1.09 bilion kepada lebih 14,000 buah koperasi seluruh negara bagi menangani masalah dihadapi susulan penularan COVID-19. Bagaimanakah dana yang diagihkan itu telah membantu koperasi-koperasi yang menerimanya?

Adakah pemberian ini benar-benar berkesan dalam membantu ahli-ahli koperasi yang terjejas? Apakah mekanisme atau kaedah-kaedah lain akan dilakukan untuk membantu koperasi-koperasi terjejas menangani COVID-19? Saya mohon Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan kepada semua isu yang saya bangkitkan. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tebrau.

**Tuan Sivakumar Varatharaju Naidu [Batu Gajah]:** Batu Gajah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Maaf, bukan Yang Berhormat Padang Serai, Yang Berhormat Batu Gajah.

#### **12.04 tgh.**

**Tuan Steven Choong Shiu Yoon [Tebrau]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, memberikan peluang kepada saya untuk menyertai perbahasan. Tuan Yang di-Pertua, bagi negara-negara membangun, sektor koperasi adalah antara penyumbang utama ekonomi dalam merealisasikan matlamat *Millennium Development Goals*, dengan izin.

Di Malaysia, kerajaan telah memfokuskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan agar sektor koperasi dapat menjadi penyumbang ketiga terbesar kepada pembangunan ekonomi negara selepas sektor awam dan swasta. Justeru, Dasar Koperasi Negara 2011-2020 telah dilancarkan pada 16 Julai 2010 bagi menyediakan platform kepada gerakan koperasi untuk membangunkan dan mengukuhkan peranan koperasi dalam konteks pembangunan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mencapai matlamat yang disasarkan, setiap koperasi haruslah memastikan pengurusan dan pentadbirannya berada dalam keadaan yang baik. Ini kerana prestasi koperasi yang baik akan menggalakkan orang awam untuk terlibat dalam sektor koperasi. Penglibatan masyarakat awam dalam

koperasi secara langsung akan meningkatkan jumlah pendapatan mereka dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara.

Tuan Yang di-Pertua, namun pada masa ini pencapaian prestasi koperasi masih kurang memberangsangkan walaupun sokongan besar diterima daripada pihak kerajaan dan agensi-agensi di bawahnya. Akan tetapi koperasi masih berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran yang menjelaskan pembangunan, kestabilan dan pertumbuhannya. Antara isu yang diberikan perhatian oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia terhadap koperasi ialah isu tadbir urus. Koperasi disarankan untuk memastikan pelaksanaan tadbir urus yang baik, yang merupakan faktor kritikal kepada kejayaan gerakan koperasi. Tadbir urus koperasi yang kurang berkesan perlu ditangani segera kerana gerakan koperasi Malaysia masih dianggap kurang membangun jika dibandingkan dengan negara-negara lain.

Kegagalan tadbir urus koperasi akan menimbulkan beberapa masalah dan memberi kesan kepada prestasi mereka. Koperasi menghadapi masalah penyelewengan yang menjelaskan reputasi dan menyebabkan tiada kepercayaan orang awam terhadap pengurusan koperasi.

Tambahan lagi, kajian-kajian universiti lepas telah memperlihatkan masalah dalaman yang dihadapi oleh pengurusan koperasi seperti sikap tidak peduli anggota-anggota, kegagalan berdemokrasi, salah urus, kawalan pengurusan yang lemah, kurangnya kemahiran dan skandal kewangan. Isu-isu ini telah menjadi virus kepada prestasi koperasi. Secara kesimpulannya, kelemahan-kelemahan yang tersebut di atas, yang ada pengaruh kepada prestasi tadbir urus koperasi di Malaysia boleh dikategorikan dalam enam faktor:

- (i) kepimpinan pengurusan;
- (ii) budaya organisasi;
- (iii) pengurusan sumber;
- (iv) fokus pekerja;
- (v) fokus pemegang kepentingan (*stakeholder interest*); dan
- (vi) keberkesanan jawatankuasa audit dalaman.

Cadangan untuk mengurangkan bilangan minimum anggota lembaga sesebuah koperasi daripada enam kepada dua dan mengurangkan bilangan minimum anggota jawatankuasa audit dalaman daripada tiga kepada dua, bercanggah dengan kajian-kajian universiti yang meletakkan kelemahan koperasi kepada integriti dan kecekapan anggota lembaga.

Jadi bagi saya, Tuan Yang di-Pertua, untuk membantu koperasi-koperasi di dalam negara kita, Suruhanjaya Koperasi Malaysia harus mencari kaedah dan pendekatan yang holistik untuk membantu koperasi-koperasi untuk mengatasi kelemahan-kelemahan yang mereka hadapi supaya sektor koperasi dapat menjadi penyumbang ketiga terbesar kepada pembangunan ekonomi negara selepas sektor awam dan swasta. Bukannya hanya memberi bantuan secara kewangan untuk membantu mereka tetapi tadbir urus adalah yang lebih penting bagi saya. Itulah saya minta pihak kerajaan mempertimbangkan cadangan-cadangan yang saya bangkitkan. Terima kasih.

■1210

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tebrau. Ahli-ahli Yang Berhormat seramai 15 Ahli-ahli Yang Berhormat telah berbahas. Sekarang saya ingin menjemput...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Tuan Yang di-Pertua, Sik mahu satu lagi? Boleh satu lagi daripada Sik?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Daripada mana?

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Sik. Boleh, lima minit?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada siapa lagi yang hendak?

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Lumut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Lumut. Yang Berhormat Sik dan Yang Berhormat Lumut. Saya telah tadi menyebut seramai empat ataupun lima orang...

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Saya bagi senarai awal sudah Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya jemput—tambahan lagi. Saya jemput Yang Berhormat Sik.

**12.10 tgh.**

**Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]:** Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat pindaan Rang Undang-undang Koperasi 1993 ini menjurus kepada pembentukan sesuatu proses koperasi yang kendiri selain mengurangkan birokrasi terhadap perniagaan itu sendiri.

Berdasarkan statistik semasa kita mempunyai sejumlah 14,625 koperasi yang merangkumi sejumlah 6.09 juta anggota di seluruh negara dengan modal syer

dan yuran berjumlah RM15.4 bilion. Bagi saya ia adalah suatu proses pembangunan koperasi yang baik sepanjang hampir 100 tahun penubuhannya dahulu.

Saya telah meneliti beberapa aspek pindaan yang diketengahkan dalam pindaan ini. Masih terdapat beberapa perkara yang perlu kepada penjelasan yang lebih lanjut oleh pihak kerajaan.

Pertama, saya ingin membangkitkan adalah berkenaan dengan jumlah minimum individu bagi sesuatu proses pendaftaran dibuat. Pindaan pada seksyen 8(1) menyebut pendaftaran sesuatu koperasi sekurang-kurang lima orang berbanding 20 orang pada tahun sebelumnya. Manakala, pendaftaran koperasi asas pula berjumlah 20 orang berbanding 50 orang sebelumnya berdasarkan pindaan pada seksyen 5(1)(a). Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian apakah beza di antara kedua-dua pindaan tersebut? Jenis koperasi manakah yang terlibat dalam pindaan pada fasal 4 yang saya sebutkan tadi?

Saya juga memohon penjelasan mengenai cadangan pindaan terhadap jumlah penandatangan minit mesyuarat agung dengan 10 orang sahaja berbanding jumlah pendaftaran 20 orang individu sebagai syarat untuk mendaftarkan koperasi?

Perkara kedua yang ingin bangkitkan adalah mengenai pindaan pada fasal 6 yang membenarkan pemindahan syer, pulangan ataupun kepentingan kepada orang yang dinamakan oleh seseorang anggota yang beragama Islam yang meninggal dunia dan untuk mengadakan peruntukan bagi pengesahan apa-apa penamaan penama oleh seseorang anggota sesuatu koperasi yang beragama Islam yang dibuat sebelum tarikh permulaan kuat kuasa akta ini.

Soalannya, apakah rasionalnya kerajaan memasukkan penama bagi yang beragama Islam sedangkan koperasi kini boleh menyerahkan syer anggota tersebut untuk diagihkan berdasarkan hukum faraid, hukum Islam berkaitan harta pusaka? Hal ini memerlukan ketelitian bersama oleh pihak kerajaan dalam aspek pengurusan harta, pulangan dan kepentingan anggota si mati yang beragama Islam dapat terus terpelihara dan dapat dilakukan dengan adil dan saksama.

Perkara ketiga yang saya ingin ketengahkan adalah berkenaan dengan pelan strategik pembangunan koperasi pada masa akan datang. Saya ingin bertanya apakah rancangan strategik yang dimainkan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) bagi terus merangsang pembangunan koperasi di negara ini khususnya berkaitan dengan sektor-sektor yang masih kurang di institusi koperasi pada hari ini.

Saya difahamkan bahawa SKM telah menyediakan pembiayaan kepada koperasi di bawah Tabung Modal Pusingan JPK yang memperuntukkan pembiayaan sehingga sejumlah RM10 juta kepada setiap koperasi yang memerlukan. Soalan

saya, sejauh mana manfaat tabung ini kepada pembangunan koperasi seperti yang saya jelaskan sebentar tadi? Apakah hasil dan impaknya yang dilihat sepanjang tabung tersebut dilaksanakan? Tambahan lagi, sejauh mana SKM membantu pemasaran produk-produk koperasi bagi menembusi pasaran di luar negara setakat ini? Berapa pula nilai pulangan yang berjaya dicapai oleh pihak koperasi dalam tempoh ini?

Perkara keempat yang saya ingin saya utarakan ialah berkenaan dengan daya tahan koperasi berhadapan dengan kelembapan ekonomi disebabkan penularan pandemik COVID-19. Apakah kesannya kepada koperasi pada hari ini? Sejauh mana koperasi-koperasi sedia ada mampu bertahan dalam situasi yang mencabar ini? Apakah bantuan-bantuan semasa yang disalurkan bagi memastikan kemampuan koperasi menghadapi cabaran semasa?

Seterusnya, saya juga mendapat penjelasan kementerian bilangan dan peratusan koperasi yang telah mencapai kejayaan dalam negara dan berapa buah koperasi yang dianggap gagal? Apakah bedah siasat pernah dibuat bagi menangani punca kegagalan koperasi tersebut dan langkah bagi membantu supaya koperasi-koperasi tersebut dapat bangkit semula kemudiannya?

Tuan Yang di-Pertua, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Sik. Saya jemput Yang Berhormat Lumut. Kemudian diikut oleh Yang Berhormat Kemaman, akhir. Baik, sila Yang Berhormat Lumut.

### **12.15 tgh.**

**Datuk Wira Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Lumut]:** Terima kasih, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya minta maaf semalam saya dipanggil tetapi saya bergegas ke mesyuarat PAC. Jadi, saya ucap terima kasih dapat peluang ini semula. Saya rasa koperasi merupakan suatu sektor ekonomi yang semakin meningkat. Kita hendak jadikan aktiviti koperasi sebagai penyumbang ketiga kepada ekonomi negara.

Oleh hal demikian, kita harus memudahkan urusan pembentukan pendaftaran dan juga aktiviti-aktiviti koperasi ini. Kalau kita lihat ada sebanyak 14,000 lebih koperasi berbanding dengan ada sejuta lebih syarikat-syarikat yang berdaftar dengan SSM, jauh bezanya itu. Ertinya memang sebelum ini proses untuk menujuhkan ini mengambil sedikit usaha mengumpul orang yang berminat dan sebagainya. Jadi dengan cara ini yang dibuat dalam pindaan ini, kita harap lebih ramai rakyat Malaysia yang akan terlibat dalam koperasi terutamanya koperasi-

koperasi keluarga dalam kes-kes khas— suruhanjaya membenarkan penubuhan koperasi yang minimum lima orang ahli.

Jadi, ini akan menambahkan aktiviti koperasi dan kita harus berwaspada juga kerana rekod prestasi koperasi pada masa yang lepas masih lagi menghantui kita. Ramai kita terjejas. Jadi, kita pula tidak mahu dalam suasana koperasi sekarang ini mengikut pindaan ini boleh membuat pinjaman daripada agensi-agensi kewangan seperti bank. Sebelum ini hanya bank koperasi sahaja boleh memberi. Sekarang ini terbuka dan dalam masa yang sama bank harus memberikan bantuan dan kerjasama dan sokongan juga kepada koperasi.

SKM juga harus memperhatikan supaya tidak berlaku salah guna kuasa di dalam koperasi untuk menggunakan kemudahan yang baharu ini untuk kepentingan-kepentingan beberapa orang kepimpinan atau ahli lembaga koperasi. Jadi, ini memerlukan usaha yang lebih rapi atau kawalan yang lebih rapi daripada SKM.

Kita berharap dengan pindaan yang memudahkan ini budaya berkoperasi ini akan menjadi suatu tarikan kepada masyarakat kita. SKM harus turun kepada masyarakat mendedahkan peranan yang boleh dimainkan, peluang-peluang perniagaan, peluang-peluang kewangan. Koperasi keluarga contohnya boleh *monetize* harta yang ada dalam keluarga, tanah-tanah, rumah-rumah yang banyak itu untuk dijadikan sebahagian daripada perniagaan dengan sokongan daripada sistem kewangan pinjaman daripada bank contohnya yang boleh membantu perniagaan mereka ini.

Akan tetapi kita kena ingat mereka yang mahu terlibat dengan koperasi ini harus mempunyai semangat bekerjasama. Koperasi ini dahulu disebut syarikat kerjasama. Bekerjasama bukan hanya kepentingan dua, tiga orang yang berminta yang duduk dalam LAK itu yang mendapat manfaat. Yakni yang lain hanya menunggu diberikan bonus ataupun dividen dan juga beberapa pemberian semasa mesyuarat agung tahunan. Jadi, ini memerlukan pendidikan koperasi kepada masyarakat.

Jadi, sumbangan ataupun peranan SKM dalam hal ini cukup penting. Di samping itu, yang terakhirnya saya ingin mencadangkan supaya urusan koperasi-koperasi di sekolah contohnya yang sudah berkembang dengan begitu baik juga dipertingkatkan sebagai asas pendidikan, perniagaan dan keusahawanan kepada pelajar-pelajar kita.

Jadi kesimpulannya, kita hendak jadikan koperasi ini sebagai suatu aspek keusahawanan yang penting. Lahirkan lebih banyak kalau boleh koperasi usahawan. Jangan hanya koperasi-koperasi yang memberikan hanya pinjaman-

pinjaman kepada ahlinya. Koperasi yang menolong ahli dengan pinjaman sahaja tetapi keusahawanan. Ahli-ahli koperasi itu biarlah daripada kalangan usahawan, mengumpulkan diri mereka dalam satu badan koperasi. Hasil mereka dipasarkan serentak dan ini akan memberikan tambah nilai kepada koperasi masing-masing dan akan mencapai hasrat kerajaan untuk menambahkan pendapatan koperasi ini pada lebih kurang RM40 bilion setahun.

Jadi, ini akan memeriahkan dan membantu pembangunan ekonomi rakyat Malaysia kerana koperasi ini *resistance* kepada kejatuhan ekonomi seperti keadaan pada hari ini adalah lebih baik daripada syarikat-syarikat perniagaan biasa. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong usaha pindaan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Lumut. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kemaman.

■1220

**12.20 tgh.**

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya mengucapkan ribuan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang pindaan Akta Koperasi 1993 pada pagi ini.

Secara keseluruhannya, pindaan ini lebih tertumpu kepada pengurangan birokrasi bagi menggalakkan pembangunan koperasi yang lebih mampan, kendiri dan berdaya saing pada masa akan datang. Apa yang lebih penting adalah sumbangan koperasi kepada mobiliti sosial secara bersasar dan berfokus dan pada akhirnya memastikan pembangunan sosioekonomi yang menyeluruh. Hal yang demikian selaras dengan usaha berterusan pihak kementerian dalam menyemak sebarang polisi dan dasar dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Perkara ini bagi mempersadakan sektor koperasi selaras dengan penggubalan Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang menyasarkan sumbangan perolehan koperasi pada 10 tahun akan datang ini bernilai RM100 bilion. Usia sektor koperasi di negara ini hampir mencecah 100 tahun. Pada awal penubuhannya, koperasi yang berbentuk hanya berjumlah 11 koperasi yang disertai dengan 825 orang sahaja. Ketika ini koperasi hanya berfokus kepada penyelesaian masalah petani selain kebergantungan dalam kalangan penjawat awam.

Perkembangan sektor koperasi terus berlaku dengan rancak. Pada akhir tahun 2019, negara mempunyai kira-kira 14,000 lebih koperasi dengan enam juta anggota semuanya. Purata pertumbuhan berlaku dengan pesat sepanjang lima tahun kebelakangan ini iaitu meningkat sebanyak empat peratus setiap tahun. Oleh

itu Tuan Yang di-Pertua, saya mempunyai beberapa perkara untuk diteliti dan dijelaskan oleh pihak kementerian.

Pertama, sudah tentulah aspek utama yang tidak boleh dipandang enteng daripada pembangunan koperasi ini adalah aspek transparensi ataupun keterbukaan, selain faktor kecekapan pentadbiran dan pengurusan kewangannya. Oleh itu saya mohon pihak kementerian menjelaskan langkah yang telah diambil bagi mengatasi isu salah laku anggota lembaga koperasi sehingga memberi kesan serta kerugian terhadap koperasi berkenaan. Sehinggalah lebih parah lagi menjejaskan kebijakan dan kepentingan anggota koperasi itu sendiri. Dalam masa yang sama, apakah rasional di sebalik langkah mengurangkan ahli minimum lembaga pengarah koperasi itu dalam mengatasi isu penyelewengan yang berlaku. Tambahan lagi, saya juga ingin tahu mengenai sejauh mana peranan yang dimainkan oleh Jawatankuasa Audit Dalaman Koperasi dalam memastikan aspek salah laku dalam kalangan lembaga dapat ditangani dengan berkesannya.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mendapatkan penjelasan kementerian berkenaan dengan rancangan strategi pembangunan koperasi dalam sektor pertanian moden bagi memastikan hasrat negara mencapai 100 peratus jaminan bekalan makanan pada masa akan datang dapat dicapai. Serta, apakah rancangan terperinci sehingga kini dan sejauh manakah ia dijadikan agenda utama dalam Dasar Keusahawanan Nasional 2030 yang saya difahamkan pembangunan koperasi ketika ini lebih tertumpu pada sektor perkhidmatan yang mewakili 86 peratus daripada keseluruhan koperasi di negara ini.

Perkara terakhir yang ingin saya sentuh adalah berkenaan impak kelembapan ekonomi semasa disebabkan oleh penularan pandemik COVID-19 terhadap sektor koperasi ini. Saya menyambut baik langkah kementerian mengenakan moratorium bayaran balik pinjaman melalui Tabung Modal Pusingan dan mengharapkan agar perkara ini dapat membantu membina daya ketahanan kepada sektor koperasi ini. Dalam hal ini, saya ingin mendapatkan jawapan daripada pihak kementerian mengenai jumlah koperasi yang terpaksa ditutup oleh sebab impak ekonomi semasa yang berlaku pada hari ini dan apakah langkah-langkah segera yang lain yang telah diambil oleh pihak kementerian bagi mengatasi perkara-perkara berkenaan.

Sekian, terima kasih dan saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**12.25 tgh.**

**Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahhir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih atas penglibatan 20...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya ada 18 di sini.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Seramai 18 Ahli-ahli Yang Berhormat terlibat dalam perbahasan ini. Ucapan saya juga kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang terlibat kerana nampaknya rata-rata menyokong pindaan ini dengan teguran dan cadangan yang sangat kami hargai.

Tuan Yang di-Pertua, biar saya memulakan jawapan saya secara umum berhubung dengan itu dan bakal - boleh menjawab banyak persoalan-persoalan yang dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat.

Pertamanya ingin saya sebutkan bahawa setakat ini pada Jun 2020, kita mempunyai maklumat yang terbaru daripada Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM). Penjumlahan koperasi seluruh negara bukan lagi sebagaimana yang pernah saya sendiri sebut yang berakhir pada 2019 dengan jumlah-jumlah yang tertentu. Sekarang kita mempunyai jumlah koperasi keseluruhannya ialah 14,668. Ada penambahan Yang Berhormat, semenjak 2019. Daripada jumlah tersebut, kita bahagikan kepada yang aktif, tidak aktif dan yang *dormant* iaitu 9,590 yang diklasifikasikan sebagai aktif, 1,986 tidak aktif dan 3,092 *dormant*. Daripada jumlah tersebut, angka pada bulan Jun 2020. Jadi kita ada pecahan mengikut negeri tertentu tetapi oleh sebab detil itu banyak sangat, saya ingat minta maaf tak boleh baca keseluruhannya Tuan Yang di-Pertua. Kalau tidak saya tak boleh menghabiskan keseluruhan nanti.

Jadi, kembali saya kepada hala tuju koperasi ini sendiri dengan jumlah yang ada di hadapan kita dan pindaan undang-undang ini. Sebenarnya, koperasi telah merangka transformasi koperasi sendiri yang kita sebut Transkom yang telah kita bawa kepada pihak Jemaah Menteri pada 21 Oktober 2020 dan telah diluluskan. Sebenarnya kita merancang untuk membuat pelancaran transformasi Malaysia ini pada 11 November 2020 tetapi oleh sebab keadaan COVID-19 sekarang ini, berkemungkinan kita mungkin tundakan dahulu. Walau bagaimanapun, permulaan

transformasi yang kita cadangkan itu ialah pada 1 Januari 2021 dan akan berterusan *transformation* tersebut sehingga 2025.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, yang dua bulan daripada bulan Oktober, November dan Disember itu kita berhadapan SKM, IKM dan badan koperasi sendiri termasuk ANGKASA akan membuat struktur perubahan dalaman sedikit sebelum pelancaran secara formal transformasi dasar ini, menyelaraskan pembangunan koperasi itu bersama dengan Dasar Keusahawanan Nasional 2030.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah merangka strategi dalam usaha mewujudkan ekosistem keusahawanan yang holistik, kondusif dan inklusif seterusnya merealisasikan hasrat untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara usahawan unggul pada 2030.

### ■1230

Ini kerana Dasar Keusahawanan Negara, kadang-kadang kita sebut ‘keusahawanan’ sahaja dan tidak disebut di dalam Dasar 2030 itu, ‘koperasi’. Dalam masa yang sama, koperasi juga mempunyai dua teras utama apabila ditubuhkan iaitu soalan sosial dan juga soalan ekonomi ahlinya. Maka, tidak boleh lari daripada situ, kementerian terpaksa mewujudkan dasar baharu untuk mentransformasikan koperasi supaya selaras dengan pembangunan negara dalam sudut keusahawanan.

Maka dengan Dasar Keusahawanan Negara merupakan satu dasar yang baik, maknanya ia tetap terus diteruskan oleh pihak kerajaan. Keusahawanan negara dan koperasi negara berjalan serentak hingga ke tahun 2030.

Memang betul apa yang telah disebutkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat tadi bahawa pendapatan koperasi kita yang kita rangka pada tahun 2019 ialah berjumlah RM40 bilion. Jadi, dalam rangka Dasar Keusahawanan Nasional 2030 ini, yang kita sokong dengan transformasi koperasi itu sendiri, kita mewawasankan ataupun menghala tuju pembangunan koperasi itu pada tahun 2030 nanti mendapat pendapatan RM100 bilion.

Jadi, ini selaras— ada Yang Berhormat menyebut soalan *Millennium Development Goals*. Saya pernah bercakap di dalam Dewan ini mengatakan bahawa biarlah koperasi ini menyelaras ataupun melaksanakan apa yang dikatakan Dasar Nasional pada tahun 1990 dahulu iaitu untuk *to eradicate poverty*. Maknanya, tidak ada beza orang di luar bandar, di dalam bandar, *poverty* itu kita *handle* menerusi platform koperasi ini.

Maknanya tidak ada beza di antara orang Melayu, orang Bumiputra di Sarawak dan Sabah dan juga orang-orang yang miskin di dalam bandar di seluruh Semenanjung sama ada India, Cina ataupun Orang Asli. Tidak ada perbezaan

mengguna landasan koperasi ini dan kita harap boleh *to close the gap between the haves and the have nots* ataupun *the have less*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Menteri. boleh bertanya?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pontian.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sebenarnya Yang Berhormat Pontian itu ada. Belum sampai ke takat itu lagi. Sila, Yang Berhormat.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Okey. Tadi Yang Berhormat Menteri ada menyebut koperasi yang aktif dan tidak aktif, *dormant*. Sepanjang lapan ke sembilan bulan era COVID-19 ini, mengikut pandangan Yang Berhormat Menteri, adakah koperasi mempunyai ketahanan ketika era COVID-19 lapan ke sembilan bulan yang berlalu dibandingkan syarikat-syarikat biasa? Setakat manakah COVID-19 lapan ke sembilan bulan itu mempengaruhi perjalanan koperasi? Terima kasih.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya sangat menghargai soalan Yang Berhormat itu oleh kerana—biarlah saya balik kepada asasnya.

Koperasi walaupun kita mempunyai sekarang sebanyak 14,668 buah koperasi di seluruh negara, hampir 80 peratus daripada koperasi ini ialah terdiri daripada ahli yang B40. Walaupun kita tidak menafikan bahawa banyak koperasi mempunyaikekayaan aset dan juga kebolehan pendapatan-pendapatan yang tinggi tetapi dalam masa yang sama, ahlinya, Yang Berhormat, masih orang B40.

Jadi, oleh sebab koperasi ini adalah 80 peratus daripada ahli orang B40, B40 inilah kumpulan yang sangat terjejas di dalam keadaan MCO di bawah COVID-19 apabila kerajaan melaksanakan MCO untuk menangani COVID-19 ini. Kita memang telah tahu dan menerima hakikat bahawa mereka inilah yang terjejas. Kita mempunyai *figures* yang tertentu itu tetapi di sini saya tidak ada, Yang Berhormat ya, jumlah yang sebenar koperasi yang terjejas. Khususnya sebagaimana saya pernah bercakap di dalam Dewan ini juga mengatakan bahawa koperasi wanita contohnya, sebanyak 80 peratus terjejas. Hinggakan saya mengambil tindakan yang drastik supaya melantik Yang Berhormat Timbalan Menteri saya untuk melihat, mengkaji dan macam mana boleh kita membantu syarikat-syarikat Bumiputera dan koperasi-koperasi wanita ini kerana mereka yang terlibat teruk oleh sebab COVID-19.

Ini sebabnya ialah satu lagi. Tadi ada dibangkitkan Yang Berhormat juga bahawa koperasi kita ini kebanyakannya di dalam satu bidang perkhidmatan sahaja kebanyakannya. Sebanyak 80 peratus di dalam bidang perkhidmatan, sedikit sahaja di dalam bidang-bidang lain. Itu pun kita mempunyai fakta yang khusus tetapi oleh sebab mereka di dalam perkhidmatan sahaja dalam COVID-19 ini, mereka yang terlibat dengan perkhidmatan, contohnya kewangan, pelancongan, restoran dan sebagainya, mereka inilah yang terjejas teruk. Jadi, itulah kenapanya koperasi juga tidak boleh lari daripada terjejas di dalam keadaan COVID-19 ini, Yang Berhormat.

Jadi, balik saya kepada apa kerajaan dan kementerian ini bakal laksanakan. Pelaksanaan Dasar Keusahawanan 2030 turut meliputi usaha untuk memperkasakan gerakan koperasi sebagaimana digariskan di bawah strategi kedua di dalam teras strategi ketiga. Ini ia sebut strategi-strategi ini, Yang Berhormat, ialah di dalam transformasi koperasi itu ada mempunyai lima teras ataupun tujuh yang bakal kita laksanakan daripada tahun 2021 nanti.

Koperasi sebagai pemacu kepada pembangunan sosioekonomi yang inklusif. Koperasi merupakan penggerak pertumbuhan sosioekonomi masyarakat di negara ini selari dengan aspirasi Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Jadi, di situ juga, satu tujuh ataupun *thrust* untuk macam mana kita hendak melaksanakan Wawasan Kemakmuran Bersama ini, Yang Berhormat.

Sebabnya ialah saya hendak beri sedikit pengulasan-pengulasan. Contohnya, Yang Berhormat, contohnya kita mempunyai koperasi— saya sebut koperasi yang maju, yang besar dan mempunyai sumber kewangan yang banyak. Contohnya, Bank Rakyat. Bank Rakyat mempunyai seramai satu juta ahli tetapi sebanyak 80 peratus daripada ahli itu ialah daripada golongan yang B40.

Jadi, maknanya walaupun Bank Rakyat mempunyai pendapatan sebanyak hampir RM7 bilion dan aset RM100 bilion lebih tetapi malang sekali, masih ada yang B40 di dalam itu. Jadi, itulah apabila saya sebut Dasar Kemakmuran Bersama, saya telah meminta pihak-pihak agensi terbesar yang terus di bawah kementerian ini iaitu Bank Rakyat dan sebagainya, juga SKM dan koperasi itu sendiri untuk melihat supaya penciciran pendapatan yang begitu banyak sekali boleh sampai kepada ahli-ahli yang B40 ini.

Itulah maknanya, yang saya hendak sebut, sebagai Dasar Kemakmuran Bersama yang kita bakal laksanakan menerusi transformasi koperasi itu sendiri. Strategi ini dilaksanakan menerusi tiga inisiatif seperti yang berikut:-

- (i) memperkasakan gerakan koperasi di dalam kalangan B40 dan masyarakat luar bandar termasuk menggalakkan penubuhan koperasi berdasarkan komuniti;
- (ii) meningkatkan kapasiti dan keupayaan koperasi dalam sektor ekonomi utama melalui perluasan akses kepada program, bantuan peluang perniagaan selaras dengan perusahaan kecil dan sederhana; dan
- (iii) mentransformasikan landskap ekosistem koperasi dengan melaksanakan anjakan paradigma terhadap struktur agensi koperasi serta meliberalisasikan kerangka perundangan koperasi.

**■1240**

Jadi pindaan salah satu daripada tindakan Yang Berhormat. Jadi ada disebut Yang Berhormat tadi berhubung dengan kalau tidak salah saya daripada Yang Berhormat Kangar saya ingat berhubung dengan konsultasi dan sebagainya. Sebagai umum saya hendak beritahu di sini, sebenarnya perundangan koperasi itu sendiri telah ada kerangka pindaan yang menyeluruh untuk memperkenalkan undang-undang koperasi baharu pada tahun 2017. Akan tetapi, apabila pada tahun 2018 macam mana pun hanya 12 seksyen sahaja diambil keluar dari situ untuk dipinda secepat yang boleh.

Maknanya *low hanging fruit* untuk memudahkan untuk pengurusan koperasi. Saya masih boleh bersetuju dengan apa yang dibuat pada tahun 2018 dan 2019 yang saya bentang pada hari ini walaupun ada pindaan sedikit. Ada lagi pengguguran satu dua cadangan pada tahun 2018 dan tahun 2019 yang kita keluarkan oleh kerana selepas *engagement* ataupun *tadbir urus* kita dengan *stakeholder* yang lain khususnya bank negara dan juga MOF. Jadi, dalam keadaan sedemikian saya masih melihat bahawa mentransformasikan keseluruhan perundangan koperasi itu masih dilihat sebagai perkara yang penting. Ini kerana undang-undang yang digubal pada tahun 1993 itu perlu pengisian baharu.

Oleh kerana dalam *environment* baharu, keadaan baharu. Contohnya dahulu kita tidak pernah pun menggunakan *e-commerce*, tidak guna *digitalization*. Kita tidak gunakan banyak sangat benda-benda apa yang kita laksanakan pada masa sekarang. Masa COVID-19 ini pengalaman lebih luas lagi dalam soal *digitalization*, *e-commerce* dan sebagainya. Jadi, pasaran atas talian dan sebagainya. Banyak lagi perkara-perkara yang sedemikian.

Maka saya telah meminta pihak SKM melihat semula undang-undang tahun 2017 itu dan diserahkan kepada pihak konsultan. Kita bakal pinta, minta pihak SKM kaji untuk melantik konsultan yang mempunyai *expertise* boleh berbincang dengan semua pihak. Bukan sahaja universiti tetapi juga pihak peniaga-peniaga yang besar, yang berjaya.

*What next can we do to advance koperasi punya movement di Malaysia daripada sudut commerce nya daripada sudut business nya, industrinya dan berbagai-bagai lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, itu strategi yang tiga saya sebutkan tadi selain daripada aspirasi Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Sasaran nasional yang ditetapkan bagi sektor koperasi yang telah meningkat perolehan koperasi daripada RM40 bilion sebagaimana yang saya sebutkan tadi, pada tahun 2018 kepada RM60 bilion pada tahun 2025 seterusnya RM100 bilion pada tahun 2030. Harapan kita tahun 2030 bersama dengan Millennium Development Golds iaitu harapan juga oleh pihak United Nation yang merancang Millennium Development Golds dulu to eradicate poverty di seluruh dunia.*

Jadi kita memainkan peranan kita di negara ini untuk melaksanakan perancangan ataupun satu multilateral yang kita sendiri terlibat dengan perancangannya. Bagi membantu pencapaian sasaran yang ditetapkan tersebut, kementerian telah Melaksanakan Pelan Transformasi Koperasi ataupun (TRANSKOM) yang saya sebutkan tadi tahun 2021 hingga tahun 2025 untuk melestarikan gerakan koperasi di negara ini.

TRANSKOM yang akan dilaksanakan dari tahun 2021 hingga tahun 2025 telah diluluskan sebagaimana yang saya sebutkan tadi juga. *The trust* ataupun tujuan TRANSKOM ini ada lima. Saya satu persatu Tuan Yang di-Pertua. TRANSKOM menggariskan langkah-langkah transformasi bagi memperkasakan gerakan koperasi. Perkataan memperkasakan banyak Yang Berhormat sebut tadi. Di Malaysia, sebagai pemangkin *catalyze* kepada pertumbuhan sosial ekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

Bagi tujuan ini, kementerian telah menggariskan sebanyak lima anjakan transformasi seperti berikut. Berpaksikan pencapaian matlamat, berteraskan kesejahteraan dan kemakmuran bersama. Jangan koperasi tu kaya tetapi ahli tidak kaya. Ini kita hendak cuba cari cara mekanismenya. Semua dalam buku transformasi Yang Berhormat.

Kedua, memiliki sistem perundangan dan kawal selia yang membangun dan memudah cara. Ini sebahagian daripada apa yang kita buat pindaan ini. Akan tetapi ada lagi pindaan, banyak lagi pindaan bakal kita bawa. Mungkin juga perundangan

baharu dalam masa lima tahun itu kita akan bawa kepada Dewan ini untuk dilaksanakan, perlu dipohon kelulusannya. Ketiga, mempunyai modal insan yang produktif dan berilmu.

Jadi biar saya perjelaskan sedikit Yang Berhormat, contohnya sistem perundangan. Pada masa sekarang ialah sistem perundangan koperasi itu sendiri, SKM. Dia hampir *blurred* dia punya *level* daripada lembaga iaitu Suruhanjaya Koperasi itu sendiri dengan pentadbiran suruhanjaya itu sendiri. Dia *blurred* dia punya *level*.

Dengan itu kita kementerian sudah bermohon kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengubah cara pentadbiran ini. Saya telah pergi menghadap Tuanku dan Tuanku telah memberi jawapan dan bersetuju bahawa apa yang kita cadang itu adalah yang terbaik iaitu mengasingkan lembaga dengan pentadbiran koperasi supaya lebih apa yang dikatakan akauntabiliti, *transparency* dan sebagainya.

Selain daripada itu, mempunyai modal insan yang produktif dan berilmu. Tuan Yang di-Pertua, saya biar panjang sikit soalan ini. Kita mempunyai Institut Koperasi Malaysia (IKM). Institut ini pada masa ini melaksanakan kursus-kursus yang mudah dan masih meminjam duit dengan pihak kerajaan tiap-tiap tahun.

Jadi, apabila saya masuk ke sini, kementerian ini dahulu, saya bermohon kepada Perdana Menteri supaya diasangkan semula IKM dengan SKM ini yang telah disetujui untuk dicantumkan atau digabungkan pada tahun 2019. Saya minta dibukakan semula supaya saya asingkan dua-dua entiti ini.

Tujuan saya ialah untuk IKM ini di transformasi sendiri untuk dijadikan universiti yang penuh supaya mempunyai disiplin latihan yang penuh. Jadi saya telah memberi hal-hal sekurang-kurangnya kalau sudah di tubuh menjadi universiti nanti kita ada *timeline* dan sebagainya. Sekarang kita dah laksanakan sebahagian daripadanya iaitu 30 peratus daripada subjek *matter* yang diajar di situ adalah ilmu-ilmu koperasi, ilmu mentadbir koperasi, mengurus koperasi, ilmu perniagaan, ilmu *entrepreneurship* dan sebagainya. Melatih ahli-ahli lembaga koperasi dan mereka yang terlibat dengan koperasi.

Dalam keadaan sedemikian, kita akan perbesarkan pula untuk mengambil anak-anak, cucu-cucu ahli-ahli koperasi yang enam *million* itu, seluruh negara. Kita bawa mereka berlatih di situ dengan kalau ada mempunyai kelayakan. Ini kerana kita juga mahu MQA dan kelulusan daripada Kementerian Pengajian Tinggi untuk memberi akreditasi kepada pelajar-pelajar daripada universiti ini nanti. Universiti ini

kita rancang dengan begitu rupa, ada mempunyai keunikannya sendiri, latihan-latihan yang bakal kita beri.

Satu, untuk menguruskan koperasi. Kedua, untuk memberi ilmu keusahawanan. Ketiga, untuk memberi ilmu pengauditan dan perakaunan kewangan. Jadi dalam keadaan sedemikian, apa yang Yang Berhormat sebut tadi memang betul.

Saya menerima hakikat bahawa ada kelemahan dari sudut pengauditan, ada kelemahan dari sudut keusahawanan. Itulah kenapanya kebanyakan koperasi kita hanya koperasi yang beri pinjaman kewangan 80 peratus dalam servis sektor.

Dalam sektor lain, pertanian, pembinaan, perkilangan dan perlombongan hanya kurang daripada 20 peratus. Jadi dalam keadaan sedemikian, kalau latihan ini menerusi universiti bukan sahaja kita boleh *inject the new* pemikiran baharu tetapi kepakaran, profesionalisme, boleh kita *inject* dalam koperasi di seluruh negara menerusi transformasi yang kita bakal laksanakan dan modal insan yang lebih ke hadapan pandangannya.

#### ■1250

Keempat, mempunyai modal perniagaan baharu berteraskan teknologi dan pengetahuan. Ini juga satu perkara yang baharu kerana kita tidak boleh lari. COVID-19 ini mengajar kita bahawa menggunakan pasaran atas talian, contohnya. Saya dua, tiga bulan lepas banyak bercerita membuat pasaran kita sendiri seperti *online marketing*, *online market* dan sebagainya. Saya sebut contohnya Lazada, Shopee bahkan saya sebut macam Alibaba. Semua ini angan-angan yang besar tetapi bukan *impossible* untuk dilaksanakan dalam kalangan koperasi yang mempunyai ahli yang seramai 6 juta orang ini.

Jadi, dalam keadaan sedemikian, kita lihat modal ini. Bahkan baru-baru ini apabila kita mengadakan *APEC SME Ministerial Meeting* yang dipengerusikan oleh Malaysia iaitu saya sendiri, ia meliputi negara-negara maju macam Jepun, Amerika Syarikat, Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong, Peru, Mexico dan sebagainya. Baru habis pada 21 hingga 23 hari bulan atas talian. Semua negara dunia mengatakan kita tidak ada pilihan. Kita kena *adapt*, kita kena *embrace the digital economy* ini, kita kena terima *e-commerce* ini, kita kena terima *e-marketing* ini sebagai wadah baharu di zaman ini. Jadi, dalam keadaan sedemikian kita akan laksanakan juga menerusi transformasi kita dalam koperasi kita.

Jadi, yang kelima mempunyai sistem perancangan berdasarkan bukti (*evidence-based*) serta sistem penyampaian dan pemantauan berinovasi serta mesra pelanggan. Jadi, ini adalah sejumlah lima teras yang bakal dilaksanakan oleh

pihak SKM kepada pihak koperasi. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak nak pergi ke *detail* sangat. Kalau tidak, memang kena *allocate* sampai hujung minggu hari Jumaat baru habis. Jadi, saya pindah daripada soalan dasar tadi iaitu transformasi keusahawanan pada jawapan-jawapan kepada soalan-soalan dibangkit oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Contohnya Yang Berhormat daripada Ledang, Jempol dan Yang Berhormat Papar memohon penjelasan mengenai sasaran dan semangat sebenar pindaan RUU koperasi ini. Ini sebagai mudah sahaja.

Pindaan ini memudahkan penubuhan dan pendaftaran koperasi untuk menggalakkan penglibatan masyarakat dalam berkoperasi. Dalam masa yang sama, koperasi juga digalakkan untuk menambah keanggotaan untuk mencapai hasrat kerajaan melahirkan usahawan bagi alternatif mengurangkan kadar pengangguran. Jadi sebenarnya, bukan itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya. Kita tidak boleh lari. Apa yang berlaku di luar negara, apa yang berlaku di negara lain, koperasi-koperasi di negara lain sudah jauh ke hadapan daripada mengurangkan ahli jumlah orang yang boleh menuju koperasi. Jadi, apabila jumlah orang boleh menuju koperasi menjadi berkurangan, dengan sendirinya – yang kalau pada masa sekarang contohnya kita hendak *sign* minit selepas mesyuarat itu. Berapa kuorum untuk mesyuarat, berapa orang mesti *sign* minit, berapa orang jadi *auditor* – Semua sudah seluruh dunia dari England sampai Singapura sudah berkurangan semua. Jadi, bukan kita kata, orang buat macam itu, kita kena buat macam itu. Akan tetapi, *that is the best* kalau kita lihat sedemikian. Jadi, maka itu adalah cadangan yang telah dibuat iaitu mengambil keluar daripada pindaan tahun 2017, diguna pakai pada cadangan pada pindaan yang ada sekarang ini pada tahun 2018 dan tahun 2019. Itu adalah relevan supaya kita bergerak bersama ke hadapan sebagai koperasi-koperasi dunia yang lain.

Kedua, meningkatkan pematuhan kendiri koperasi melalui liberalisasi perundangan khususnya dalam mendapatkan dana daripada pihak luaran. Ini juga ada soalan daripada Yang Berhormat tadi membenarkan meminjam daripada bank. Bukan semua bank, Yang Berhormat. Bank itu akan disenaraikan oleh pihak Bank Negara dan juga Suruhanjaya Koperasi Malaysia. Bank tersenarai yang disetujui oleh pihak SKM dan Bank Negara untuk pihak koperasi meminjam. Bukan semua bank. Ia tidak boleh pergi ‘Bank Wan Junaidi’ hendak meminjam – Bank sebegini kalau ada lah. Dia kena bank itu tersenarai dahulu dan diterima pakai oleh pihak Bank Negara dan juga SKM, baharulah koperasi itu boleh meminjam kepada bank tersebut. Itu supaya *liberalize* dia sendiri daripada mengongkong dan hanya boleh meminjam kepada Co-opbank Pertama dan Bank Rakyat.

Membuka peluang kepada usahawan dalam kalangan anggota koperasi untuk meningkatkan pendapatan melalui perniagaan aktiviti perniagaan. Jadi, ini satu lagi. Tujuan kita ialah untuk memperluaskan lagi jenis perniagaan ahli-ahli koperasi dan koperasi itu sendiri. Bukan hanya tertumpu sebagai mana yang kita lihat sekarang – hanya kebanyakannya daripada buat *credit company* sahaja macam kredit koperasi sahaja. Jadi, kita hendak perluasan dalam semua bidang. Bidang pertanian yang sebagai mana yang disebut *food security*, dalam bidang pembinaan. Pembinaan yang rancak, koperasi tertinggal di belakang tidak terlibat. Akan tetapi, dalam masa yang sama pelan latihan manakah juruteranya? Manakah QC nya? Manakah *electrical engineer*-nya? Manakah jurutera-juruteranya? Jadi, ia mesti diperkuuhkan. Itulah kenapa kita mempunyai perancangan secara holistik terhadap koperasi itu sendiri. SKM itu sendiri mempunyai cadangan-cadangan yang holistik untuk mewujudkan supaya koperasi boleh terlibat dengan semua bidang.

Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Bayan Baru, Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Papar dan Yang Berhormat Jempol meminta kementerian perjelaskan cadangan modal perniagaan untuk memperkasakan koperasi dan peranan membantu koperasi. Penyediaan kawal selia koperasi – Kementerian melalui KSM melaksanakan penguatkuasaan dan siasatan mengikut zon yang merangkumi zon utara, selatan, timur tengah, Sabah dan Sarawak. Manakala, daripada segi penyeliaan dan pembangunan koperasi dibuat melalui Pejabat Wilayah SKM di seluruh negara.

Kedua, SKM juga telah menyediakan garis panduan sebagai rujukan untuk koperasi menjalankan aktiviti koperasi serta memperkasakan tadbir urus koperasi. Ia boleh dicapai melalui laman web SKM. Ketiga, memperkasakan sistem aduan *online* yang lebih bersistematik dan responsif terhadap aduan yang dikemukakan. Keempat, mempermudah saluran...

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Yang Berhormat Menteri, sekejap ya. Yang Berhormat Menteri ada celah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Bayan Baru. Sila.

**Tuan Sim Tze Tzin [Bayan Baru]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh sebab saya rasa masa tidak berapa cukup dan saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri memberi jawapan bertulis ke Bayan Baru yang saya tanya tentang berapakah koperasi yang dorman, koperasi yang untung, koperasi yang memberi dividen kepada ahli dan koperasi yang tidak untung dan sebagainya. Ini penting dan saya juga harap Yang Berhormat Menteri ambil maklum tentang apa

yang berlaku tahun 1980-an yang mana ada koperasi-koperasi bergerak yang gagal besar terutamanya *multi-purpose* yang link dengan MCA.

Bagaimanakah SKM itu boleh mengelakkan benda ini berlaku sekali lagi? Ini kerana, ini adalah isu yang sangat besar, kerana kegagalan pada tahun 80-an sehingga rakyat tidak yakin dengan koperasi dan benda *check and balance* dan juga pemantauan daripada SKM itu amat penting supaya mengembalikan keyakinan. Mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Persoalan Yang Berhormat yang pertama tadi mohon jawapan bertulis itu. *Insya-Allah* pegawai saya ada dekat belakang sana dia dengar itu. Yang Berhormat bangkit berhubung dengan koperasi yang maju, yang kurang maju, yang dorman, yang tidak itu dan sebagainya. Kita akan bagi jawapan yang bertulis, Yang Berhormat. Jadi, pegawai dekat belakang itu jangan tunggu saya bagi arahan, Yang Berhormat sudah minta itu.

Kelima, sistem pendigitalan koperasi yang sedang dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 untuk menyediakan pangkalan data supaya perancangan dan pembangunan gerakan koperasi lebih efektif. Pegawai penyelidik SKM turut memberi khidmat nashiat kepada koperasi secara lawatan fizikal daripada semasa ke semasa yang berfokus kepada pembangunan perniagaan dan aktiviti koperasi. Akhir, kementerian melalui SKM juga akan meningkatkan kompetensi pegawai penyelia melalui latihan dan penyelidikan secara berterusan merangkumi aspek perundangan dan keusahawanan.

Di sini Yang Berhormat, bukan akhir untuk jawapan saya. Akhir untuk jawapan yang seramai tiga orang Ahli-ahli Yang Berhormat tadi, Yang Berhormat. Ini daripada Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Gerik yang bertanya mengenai kriteria khusus untuk mengalaskan koperasi di Malaysia. Program pembangunan untuk meningkatkan aktiviti koperasi. Kalau kita klasifikasi koperasi yang ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, jam telah menunjukkan tepat pukul 1 tengah hari. Jawapan Yang Berhormat Menteri disambung esok. Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Khamis 5 November 2020. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat.

**[Dewan ditangguhkan pada pukul 1.01 petang]**